

# 12

## Kementerian Sumber Manusia Kementerian Dalam Negeri

- **Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**
  - Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)



# PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA



## RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, pengurusan pekerja asing melalui Sistem ePPAx dan FWCMS adalah kurang memuaskan. Sistem ePPAx tidak digunakan secara optimum, manakala 12 modul lengkap FWCMS hanya digunakan untuk satu negara sumber serta kelemahan dari segi pengurusan perjanjian, integriti sistem, integriti data dan kawalan keselamatan sistem".

### PENCAPAIAN OUTPUT



- Kesemua 14 modul **lewat** siap dan *go-live*.
- 11 daripada 14 modul **tidak digunakan**.
- 8,021 permohonan dengan kelulusan kuota 222,105 **tidak melalui ePPAx**.



- 3 daripada 15 modul **belum siap dan go-live**.
- Maklumat permohonan dan kelulusan kuota terdahulu **tidak dipaparkan**.

### PENCAPAIAN KEBERHASILAN



#### TIDAK TERCAPI:

Tidak digunakan bagi pengurusan pekerja asing sepenuhnya

- Pengeluaran Perakuan JTKSM
  - ✓ 15,206 (45.7%) Permohonan Baharu: 2 - 19 bulan
  - ✓ 2,672 (31.4%) Permohonan Rayuan: 2 - 31 bulan
- 6,204 (99.9%) Permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja JTKSM: 8 - 395 hari



#### BELUM DAPAT DINILAI:

Kitaran lengkap pengurusan pekerja asing melibatkan kesemua negara sumber belum berlaku.

- 9,372 (92.8%) permohonan di bawah Jawatankuasa Khas Sementara KSM: 4 - 145 hari.
- 111,167 (64.5%) Visa Dengan Rujukan: 3 - 150 hari.
- 2,597 aduan: 31 - 549 hari.
- Kawalan had penetapan kuota melalui sistem tidak ditetapkan.

### PENGURUSAN PEMBANGUNAN/ PELAKSANAAN SISTEM



- **Tetapan sistem diubah** bagi membentarkan permohonan melebihi kelayakan.
- 18 permohonan melibatkan 1,291 PATI **dibuat di luar tempoh** Program RTK melalui ePPAx.



- Perjanjian **belum ditandatangani** dan kaedah pelaksanaan **tidak teratur**.
- Fungsi tapisan awal dan kiraan kelayakan **dinyahaktif**.
- Kawalan ID pengguna **tidak teratur**.
  - ✓ 2 ID (*Super Admin KSM*) dipegang oleh individu bukan pegawai KSM.
  - ✓ 24 *unauthorized user* meluluskan 24 permohonan majikan.
  - ✓ 24 ID pegawai Syarikat 838886-T dengan peranan pengguna Kerajaan.
  - ✓ 31 ID yang tidak terlibat dalam FWCMS masih wujud.
  - ✓ 44 majikan mempunyai lebih daripada satu ID.

## 4 SYOR AUDIT



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

**PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM  
PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)  
DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED  
MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)**

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) merupakan sistem yang dibangunkan/dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi pembangunan/pelaksanaan dan pengurusan Sistem ePPAx dan FWCMS. Prestasi pembangunan/pelaksanaan sistem dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.
- Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan/pelaksanaan serta penggunaan sistem.
- Pencapaian keberhasilan merangkumi keseluruhan pembangunan/pelaksanaan sistem, kecekapan proses pengurusan pekerja asing, kawalan penetapan had kuota serta menilai persepsi majikan terhadap Sistem ePPAx dan FWCMS.
- Pengurusan Sistem ePPAx dan FWCMS merangkumi integriti sistem dan data, pengurusan perjanjian, kaedah pelaksanaan dan kawalan keselamatan sistem.
- Pengauditan dilaksanakan di Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Syarikat 838886-T. Selain itu, lawatan fizikal turut diadakan di *One Stop Centre* (OSC) KSM, Kuala Lumpur International Airport, Kuala Lumpur International Airport 2 dan premis majikan.

## **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada prestasi dan pengurusan Sistem ePPAx serta FWCMS diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif pembangunan/pelaksanaan sistem, iaitu meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara.

## **Rumusan**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan pengurusan pekerja asing melalui Sistem ePPAx dan FWCMS adalah kurang memuaskan. Sistem ePPAx dengan kos pembangunan berjumlah RM19.39 juta tidak dapat digunakan secara optimum kerana penggunaan yang terhad kepada proses syor kuota kelayakan melalui pengeluaran Perakuan JTKSM sahaja. Selain itu, proses kelulusan kuota oleh OSC, KDN juga tidak dilaksanakan menggunakan Modul OSC dalam Sistem ePPAx serta keputusan Jemaah Menteri untuk menggunakan FWCMS bagi pengurusan pekerja asing. Terdapat juga kelemahan dalam pengurusan Sistem ePPAx iaitu tetapan sistem diubah dan permohonan kuota dibuat di luar tempoh Program RTK.

Pencapaian pelaksanaan FWCMS pula belum dapat dinilai kerana 12 modul lengkap hanya digunakan untuk satu negara sumber iaitu Bangladesh berbanding 15 negara sumber dibenarkan. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan pelaksanaan sistem iaitu perjanjian belum ditandatangani, hak Kerajaan tidak dapat ditentukan, kaedah dan hala tuju pelaksanaan tidak jelas, fungsi tapisan awal dan kiraan kelayakan kuota dinyahaktifkan serta kawalan ID pengguna tidak teratur.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Sistem ePPAx: Kesemua modul lewat disiapkan dan <i>go-live</i> antara 93 hingga 347 hari.	Sistem tidak diserahkan mengikut tempoh dalam perjanjian asal.	KSM dan KDN hendaklah memastikan tadbir urus pembangunan/ pelaksanaan sistem pengurusan pekerja asing mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa bagi menjamin hak dan kepentingan Kerajaan serta keselamatan negara.
2.	FWCMS: Sebanyak 12 daripada 15 modul telah siap dan <i>go-live</i> kecuali tiga modul iaitu ePLKS, Online Payment dan eWages.	Pencapaian pelaksanaan FWCMS belum dapat dinilai.	
3.	FWCMS: Perjanjian masih belum ditandatangani dan kaedah pelaksanaan tidak teratur.	Obligasi perkhidmatan, hak milik sistem dan data-data Kerajaan serta aspek keselamatan dan integriti data tidak dapat ditentukan serta kepentingan Kerajaan tidak dipelihara.	
4.	Sistem ePPAx: Modul sistem tidak digunakan sepenuhnya untuk pengurusan pekerja asing selepas <i>go-live</i> Fasa 1 pada 1 Februari 2017 dan Fasa 2 pada 25 Oktober 2021.	Sistem tidak dapat dioptimumkan penggunaannya.	KSM dan KDN hendaklah berbincang dan memutuskan pihak yang akan bertanggungjawab penuh terhadap sistem pengurusan pekerja asing tanpa mengabaikan keperluan semua pihak berkepentingan. Sistem yang digunakan hendaklah mempunyai ciri-ciri <i>interoperability, scalability</i> dan <i>sustainability</i> bagi melaksanakan proses pengurusan pekerja asing secara <i>seamless</i> dalam memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan terhadap pekerja asing dapat dilaksanakan dengan berkesan.
5.	Sistem ePPAx: Tempoh mengeluarkan Perakuan JTKSM dan Keputusan Permohonan RTK JTKSM melebihi tempoh yang ditetapkan: <ul style="list-style-type: none"><li>• Perakuan JTKSM bagi 15,206 adalah antara dua hingga 19 bulan.</li><li>• Perakuan JTKSM bagi 2,672 permohonan rayuan dibuat antara dua hingga 31 bulan.</li><li>• Keputusan Permohonan RTK JTKSM bagi 6,204 permohonan dibuat antara lapan hingga 395 hari.</li></ul>	Keadaan ini memberi kesan kepada kecekapan pengurusan pekerja asing.	
6.	FWCMS: Tempoh kelulusan kuota dan Visa Dengan Rujukan (VDR) serta tempoh pengurusan aduan melebihi tempoh yang ditetapkan: <ul style="list-style-type: none"><li>• Sebanyak 76 daripada 1,122 bilangan permohonan normal diluluskan antara empat hingga 44 hari dari perakuan Agensi Kawal Selia.</li><li>• Sebanyak 9,372 daripada 10,094 bilangan permohonan di</li></ul>		

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
	<p>bawah Jawatankuasa Khas Sementara KSM diluluskan antara empat hingga 145 hari.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebanyak 111,167 daripada 172,371 bilangan permohonan VDR diluluskan antara tiga hingga 150 hari.</li> <li>• Sebanyak 2,597 aduan berstatus selesai, belum selesai dan dalam tindakan pemeriksaan antara 31 hingga 549 hari, melebihi tempoh ditetapkan.</li> </ul>		
7.	Sistem ePPAx: Sebanyak 8,021 permohonan majikan dengan kelulusan kuota sebanyak 222,105 tidak melalui Sistem ePPAx untuk mendapatkan Perakuan JTKSM.	Ketelusan dan integriti data tidak dapat dinilai disebabkan proses tidak dilaksanakan dalam sistem.	KSM dan KDN hendaklah melaksanakan proses pengurusan pekerja asing yang cekap, telus dan berintegriti merangkumi semua proses pengurusan pekerja asing yang berlaku di dalam dan di luar sistem. Proses ini perlu mengambil kira keperluan hak, had, bidang kuasa dan fungsi semua agensi Kerajaan berkaitan selaras dengan dasar semasa Kerajaan dan akta masing-masing bagi memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan pekerja asing yang berkesan.
8.	Sistem ePPAx: Tetapan sistem telah diubah bagi membenarkan majikan membuat permohonan melebihi kelayakan.	Menjejaskan tadbir urus penggunaan sistem yang baik.	
9.	Sistem ePPAx: Sebanyak 18 permohonan majikan untuk menggajikan 1,291 Pendatang Asing Tanpa Izin dibuat di luar tempoh Program RTK melalui Sistem ePPAx, iaitu selepas permohonan RTK dalam sistem ditutup/ <i>disable</i> .		
10.	FWCMS: Fungsi tapisan awal dan kiraan kelayakan majikan dalam sistem yang diwujudkan telah dinyahaktif.	Membuka ruang kepada risiko penyalahgunaan.	
11.	FWCMS: Kawalan ID pengguna tidak diuruskan dengan teratur: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua ID pengguna berperanan sebagai <i>Super Admin</i> KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM.</li> <li>• Sebanyak 24 pengguna tidak disenaraikan sebagai pegawai KSM dengan peranan pelulus kuota (<i>unauthorized user</i>) dalam Modul eQuota telah meluluskan 24 permohonan majikan.</li> </ul>	Meningkatkan risiko penyalahgunaan ID.	

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 ID pengguna milik pegawai Syarikat 838886-T mempunyai peranan sebagai pengguna Kerajaan dan berstatus aktif. ID pengguna tersebut didaftarkan menggunakan enam alamat e-mel Syarikat 838886-T.</li> <li>• 31 ID pengguna yang tidak terlibat dalam FW CMS didapati masih wujud dan berstatus aktif.</li> <li>• Sebanyak 44 majikan mempunyai lebih daripada satu ID pengguna iaitu antara dua hingga lapan ID.</li> </ul>		
12.	Kawalan penetapan had kuota melalui sistem tidak diwujudkan.	Mengakibatkan lebihan kelulusan kuota berlaku dan risiko lebihan pekerja asing dalam negara.	KSM dan KDN perlu memastikan sistem yang digunakan/ diuruskan mempunyai kawalan penetapan had kuota sebagai mekanisme kawalan kelulusan pekerja asing mengikut keperluan guna tenaga negara.



# KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

### JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

#### 1. PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS)

#### FAKTA UTAMA

	Pembangunan Sistem ePPAx	Pelaksanaan FWCMS
Objektif Sistem	Meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara	
Nilai Kontrak	RM19.39 juta	RM1.049 bilion
Tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>Tahun 2016 – 2017: Fasa 1</li><li>Tahun 2020 – 2021: Fasa 2</li></ul>	Dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015 hingga 2024
Kaedah/Konsep Perolehan	Tender Terbuka	Bermula dengan <i>Proof of Concept</i>
Bilangan Modul	14 modul	15 modul
	Menyediakan modul yang meliputi keseluruhan aktiviti pengurusan pekerja asing bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan dihantar pulang ke negara asal	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Penggajian pekerja asing adalah bertujuan untuk menampung keperluan industri dalam negara bagi enam sektor dan sembilan subsektor yang terdiri daripada sektor perkilangan, perlادangan, pertanian, perkhidmatan, pembinaan serta perlombongan dan pengkuarian. Subsektor perkhidmatan adalah restoran (tukang masak dan krew restoran), pembersihan dan pencucian, resort, spa, borong dan runcit, pusat urut kaki, hotel, kedi (lelaki sahaja) dan pengendalian kargo. Sebanyak 15 negara sumber terlibat iaitu Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Turkmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, India dan Indonesia untuk penggajian pekerja asing.

1.2. Pengurusan dan kawalan pekerja asing diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). KSM adalah peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara yang bertanggungjawab menggubal dasar guna tenaga negara, memantau pematuhan akta, mengadakan kerjasama bilateral dengan negara sumber serta menguruskan sistem berkaitan kelulusan penggajian pekerja asing. KDN berperanan mengenai hal imigresen termasuk dasar migrasi, dasar visa dan pas, kawalan pintu masuk, penguatkuasaan dan pengurusan pembangunan sistem imigresen bagi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman orang awam daripada ancaman warganegara asing.

1.3. Tadbir urus dasar pekerja asing adalah di bawah Yang Amat Berhormat (YAB) Timbalan Perdana Menteri melalui Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan pada tahun 1992. Sehingga bulan Julai 2009, jawatankuasa ini dinamakan sebagai Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) manakala bermula 17 Julai 2009, dinamakan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI). Mulai tahun 2018, pengurusan penggajian pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah di bawah Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri (MDN) dan Menteri Sumber Manusia (MSM) serta dianggotai oleh Menteri dan Ketua Setiausaha bagi 15 Kementerian.


1.4. Urusan kelulusan kuota penggajian pekerja asing adalah di bawah KDN atau KSM yang dibantu oleh lapan Agensi Kawal Selia (AKS) daripada Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan. AKS berperanan membuat penilaian dan syor kuota pekerja asing yang boleh digajikan majikan mengikut syarat dan kriteria ditetapkan berdasarkan kepakaran dan bidang kuasa masing-masing selepas proses temu duga majikan. Butiran terperinci AKS dan sektor berkaitan adalah seperti dalam **Rajah 1**.



1.5. Pada 5 Julai 2005, JKK-PA telah memutuskan supaya Pusat Kelulusan Setempat/*One Stop Centre* (OSC) diwujudkan di KDN untuk memproses, menemu duga dan meluluskan permohonan lengkap majikan pada hari yang sama. OSC mula beroperasi pada 1 Ogos 2005 dan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN sehingga 31 Mei 2022. Jemaah Menteri pada 20 April 2022 memutuskan fungsi OSC dipindahkan ke KSM dan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Pekerja Migran (BPPM). Dalam tempoh peralihan tersebut, urusan permohonan hingga kelulusan kuota pekerja asing dikendalikan oleh Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KSM bagi tempoh Januari hingga 11 September 2022, sehingga OSC, KSM beroperasi pada 12 September 2022.

1.6. Setakat 31 Disember 2022, aktiviti pengurusan pekerja asing melibatkan tiga proses utama, iaitu permohonan, penggajian dan penghantaran pulang pekerja asing. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 2**.

**RAJAH 2**  
**AKTIVITI PENGURUSAN PEKERJA ASING**



Sumber: KSM dan KDN

1.7. Pengurusan permohonan pekerja asing adalah di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), iaitu jabatan di bawah KSM. Sebelum tahun 2012, proses permohonan pekerja asing adalah menggunakan borang manual. Bermula tahun 2012, Sistem Permohonan Pekerja Asing (ePPA) telah dibangunkan secara dalaman dan diguna oleh JTKSM bagi memudahkan proses permohonan pekerja asing secara elektronik dan pemantauan dalaman oleh JTKSM.

1.8. Bagi meningkatkan kecekapan aktiviti pengurusan pekerja asing bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan dihantar pulang ke negara asal, Kerajaan berhasrat mewujudkan sebuah sistem holistik secara dalam talian. Bagi tujuan tersebut, KDN mulai 15 Julai 2014 telah melaksanakan projek rintis Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) yang dibangunkan oleh Syarikat 838886-T melalui *proof of concept*. Ia adalah untuk aktiviti saringan Pengesahan Kehadiran dan Kelayakan, pemeriksaan kesihatan serta permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR) menggunakan dua modul, iaitu Bio-Medical dan eVisa Dengan Rujukan (eVDR). Kedua-dua modul tersebut dikuatkuasakan secara menyeluruh mulai 15 Jun 2015.

1.9. Selain itu, mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Februari 2015 meluluskan peruntukan RM20 juta kepada KSM untuk membangunkan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx). Sistem ini bagi menambah baik Sistem ePPA dan diperluaskan sebagai alternatif pengurusan pekerja asing melalui konsep sistem tunggal (single window)<sup>1</sup>. JTKSM melantik Syarikat 784382-U sebagai pembekal untuk pembangunan Sistem ePPAx secara kaedah tender terbuka melalui dua perjanjian iaitu 'Menganalisa, Mereka Bentuk, Membangun, Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah dan Menyelenggara Dalam Tempoh Jaminan' ('Perjanjian ePPAx Fasa 1') dan 'Menganalisa, Mereka Bentuk, Membangun, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah dan Menyelenggara Dalam Tempoh Jaminan' ('Perjanjian ePPAx Fasa 2'). Kos keseluruhan adalah berjumlah RM19.39 juta melibatkan 14 modul.

1.10. Seterusnya, pada 12 Januari 2018 KDN mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Syarikat 838886-T untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara FWCMS bagi tempoh enam tahun mulai 1 April 2018 hingga 31 Mei 2024 melibatkan 14 modul dengan nilai perjanjian RM1.049 bilion. Modul Bio-Medical tidak termasuk dalam SST ini kerana perjanjian berasingan telah dimeterai pada 16 Jun 2017. Selanjutnya, mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 memutuskan supaya perjanjian FWCMS dimuktamadkan dan penggunaan Bio-Medical diteruskan serta disatukan di bawah perjanjian yang sama.

1.11. Sistem ePPAx dan FWCMS masing-masing menyediakan modul yang meliputi keseluruhan aktiviti pengurusan pekerja asing, iaitu bermula daripada proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan dihantar pulang ke negara asal.

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pembangunan/pelaksanaan dan pengurusan Sistem ePPAx dan FWCMS diuruskan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif pembangunan/pelaksanaan sistem, iaitu meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik serta membantu pencapaian dasar penggajian pekerja asing negara.

---

<sup>1</sup> Konsep *single window* – Sistem ePPAx mengintegrasikan sistem daripada pelbagai Jabatan/Agensi yang terlibat dengan pengurusan pekerja asing melalui pangkalan data bersepadu.

### **3. SKOP PENG AUDITAN**

3.1. Peng auditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi pembangunan/pelaksanaan dan pengurusan Sistem ePPAx dan FWCMS. Prestasi pembangunan/pelaksanaan sistem dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

- a. Pencapaian output merangkumi prestasi pembangunan/pelaksanaan serta penggunaan sistem.
- b. Pencapaian keberhasilan merangkumi keseluruhan pembangunan/pelaksanaan sistem, kecekapan proses pengurusan pekerja asing, kawalan penetapan had kuota serta menilai persepsi majikan terhadap Sistem ePPAx dan FWCMS.

3.2. Pengurusan Sistem ePPAx dan FWCMS merangkumi integriti sistem dan data, pengurusan perjanjian, kaedah pelaksanaan dan kawalan keselamatan sistem.

3.3. Peng auditan dilaksanakan di KDN, KSM, JTKSM dan Syarikat 838886-T. Selain itu, lawatan fizikal turut diadakan di OSC KSM, Kuala Lumpur International Airport, Kuala Lumpur International Airport 2 dan premis majikan.

3.4. Semakan terhadap dokumen meliputi tempoh tahun 2015 hingga Disember 2022 manakala analisis data Sistem ePPAx dan FWCMS dibuat bagi tahun 2017 hingga Disember 2022. Selain itu, data Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut diperoleh bagi tujuan analisis dan perbandingan data/maklumat.

### **4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

Peng auditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat, dokumen perjanjian dan dokumen kewangan Sistem ePPAx dan FWCMS. Selain itu, ujian *walkthrough* sistem dan analisis data dilaksanakan serta soal selidik untuk menilai persepsi majikan telah diedarkan pada bulan September 2022. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap aset dan infrastruktur turut dijalankan.

### **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Peng auditan telah dijalankan antara bulan Jun 2022 hingga Februari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 10 Mei 2023. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

## 5.1. Prestasi Pembangunan/Pelaksanaan Sistem

### 5.1.1. Pencapaian Output

#### 5.1.1.1. Sistem ePPAx

##### a. Prestasi Pembangunan Sistem

- i. Klausula 7 Perjanjian ePPAx Fasa 1 dan 2 menetapkan tempoh perjanjian masing-masing adalah sehingga 5 Mac 2017 dan 8 Mac 2021. Klausula 13 Skop Kerja (Jadual 3, Perisian Aplikasi) pula menetapkan sebanyak tujuh modul di Fasa 1 dan 14 modul di Fasa 2 perlu dibangunkan oleh Syarikat 784382-U. Tarikh siap modul adalah berdasarkan Jadual 2, Perjanjian iaitu Jadual Pelaksanaan Pembangunan Modul.
- ii. Semakan Audit mendapati kesemua modul Fasa 1 dan Fasa 2 siap dibangunkan. Bagaimanapun, **kesemua pembangunan modul lewat disiapkan dan go-live** berbanding tarikh ditetapkan dalam perjanjian. **Tempoh kelewatan adalah antara 93 hingga 347 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 3**.

**RAJAH 3**  
**PRESTASI PEMBANGUNAN MODUL DAN GO-LIVE**

Fasa 1		Fasa 2	
Modul	Go-Live	Modul	Go-Live
Modul 1: Pendaftaran Majikan Modul 2: Permohonan Pekerja Asing (Submodul <i>One Stop Centre</i> ) Modul 3: Kemas Kini Butiran Majikan dan Pekerja Asing	<b>Kelewatan Go-Live</b> <i>Release 1:</i> Modul 1, Modul 2 dan Modul 3 <b>Tarikh Patut Go-Live</b> Perjanjian Utama : 31.10.2016 <b>Tarikh Go-Live:</b> 01.02.2017 <b>Tempoh Kelewatan:</b> 93 hari	Modul 1: Pendaftara ID Majikan Modul 2: Permohonan Baharu Pekerja Asing Modul 3: Permohonan Rayuan Pekerja Asing Modul 4: Kalkulator Modul 5: Semakan dan Kemas Kini Permohonan/ Maklumat Pengemaskinian Permit Modul 6: Semakan Rekod Majikan Modul 7: <i>One Stop Centre</i> Modul 8: Kemas Kini Maklumat VDR dan Bayaran Levi Modul 9: Permohonan, Pembaharuan dan Pengemaskinian Permit Modul 10: Pengurusan Kemalangan Pekerja Asing Modul 11: Laporan dan Management Dashboard Modul 12: Aplikasi Mobil Modul 13: Meja Bantu Modul 14: Pentadbir Sistem	<b>Kelewatan Go-Live</b> Modul 1 hingga Modul 14 <b>Tarikh Patut Go-Live</b> Perjanjian Utama : 22.02.2021 Tambahan 1 : 26.04.2021 Tambahan 2 : 30.08.2021 Tambahan 3 : 01.11.2021  <b>Tarikh Go-Live:</b> 25.10.2021 <b>Tempoh Kelewatan:</b> 245 hari
<b>Kelewatan Pembangunan</b> Tarikh Patut Siap Perjanjian Utama : 14.11.2016		<b>Kelewatan Pembangunan</b> Tarikh Patut Siap Perjanjian Utama : 06.03.2017 Tambahan 1 : 28.04.2017	<b>Kelewatan Pembangunan</b> Tarikh Patut Siap Perjanjian Utama : 05.03.2021 Tambahan 1 : 07.05.2021 Tambahan 2 : 10.09.2021 Tambahan 3 : 12.11.2021  <b>Tarikh Siap:</b> 05.11.2021 <b>Tempoh Kelewatan:</b> 245 hari

Sumber: Perjanjian dan Laporan Ujian Penerimaan Akhir Fasa 1 dan 2

- iii. Kelewatan Fasa 1 disebabkan model asal perkakasan yang perlu dibekalkan tiada dalam pasaran menyebabkan perubahan spesifikasi diangkat untuk kelulusan semula Pihak Berkuasa Melulus. Bagi Fasa 2,

adalah disebabkan kelewatan pembangunan integrasi data antara Sistem ePPAx dengan Centralized Information Management System (CIMS) yang dimiliki oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

- iv. Kesannya, **Sistem ePPAx tidak diserahkan mengikut tempoh dalam perjanjian asal. Kelewatan tempoh serahan di Fasa 1 sebanyak 183 hari**, iaitu diserahkan pada 31 Oktober 2017 berbanding tarikh kelulusan lanjutan tempoh kontrak (LTK) pada 30 April 2017 dengan kenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan [Liquidated Ascertain Damages (LAD)] berjumlah RM6,243. Bagi Fasa 2, tiga LTK sebanyak 249 hari telah diluluskan dan LAD telah dikenakan sejumlah RM30,167.

### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

- a. Pertukaran spesifikasi model perkakasan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan B pada 3 Mac 2017.
- b. Pelaksanaan PKP dan *change request* mengenai perubahan kiraan *Multi-Tier Levy* menyebabkan pelaksanaan integrasi tersasar daripada perancangan.


**Pendapat Audit** | **Prestasi pembangunan Sistem ePPAx Fasa 1 dan Fasa 2 tidak memuaskan kerana kelewatan sistem disiapkan dan go-live.**

### **b. Prestasi Penggunaan Sistem**

#### **i. Penggunaan Sistem**

- Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 menyatakan Sistem ePPAx merupakan satu penyelesaian holistik ke atas sistem pengambilan dan pengurusan pekerja asing menggunakan konsep *single window*. Sistem ini dibangunkan untuk melengkapkan tiga proses utama pengurusan pekerja asing yang saling berhubung kait. Pengguna Sistem ePPAx terdiri daripada Pegawai JTKSM, Pejabat Tenaga Kerja (PTK), KDN, majikan, AKS dan pegawai di OSC. Sistem ePPAx boleh diakses oleh pengguna melalui portal <https://www.eppax.gov.my/>. Modul dan fungsi Sistem ePPAx adalah seperti dalam **Rajah 4**.

**RAJAH 4**  
**MODUL DAN FUNGSI SISTEM ePPAx BAGI PROSES PENGURUSAN PEKERJA ASING**



Sumber: Bahagian Pekerja Asing, JTKSM

Nota: Penggunaan Modul Sistem ePPAx sehingga Disember 2021 dan Go-live Fasa 2 pada 25 Oktober 2021

- Semakan Audit mendapati selepas *go-live* Fasa 1 pada 1 Februari 2017 dan Fasa 2 pada 25 Oktober 2021, **Sistem ePPAx hanya digunakan untuk proses syor kuota kelayakan melalui pengeluaran Perakuan JTKSM** seperti dalam **Rajah 4. Proses kelulusan kuota oleh OSC, KDN tidak dilaksanakan menggunakan Modul OSC dalam Sistem ePPAx**, sebaliknya menggunakan Sistem MyIMMs<sup>2</sup>, JIM disebabkan isu keselamatan yang perlu diteliti dan diperincikan oleh JIM.
- Semakan mendapati pegawai OSC, KDN mengunci masuk semula butiran permohonan majikan yang sama dan membuat kelulusan kuota dalam Sistem MyIMMs tanpa mengkoordinasi maklumat Perakuan JTKSM yang dijana oleh Sistem ePPAx. Ini menyebabkan maklumat kelulusan kuota majikan dalam Sistem MyIMMs tiada dalam Sistem ePPAx, termasuk maklumat levi, VDR, Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), Foreign Workers' Medical Examination Monitoring Agency

<sup>2</sup> Sistem MyIMMs – Sistem yang digunakan oleh OSC, KDN bagi meluluskan permohonan kuota penggajian pekerja asing oleh majikan.

(FOMEMA) dan Check Out Memo bagi kitaran proses permohonan majikan yang sama.

- Selain itu, perbandingan data Sistem ePPAx dengan Sistem MyIMMs mendapati **8,021 permohonan majikan dengan kelulusan kuota sebanyak 222,105 tidak melalui Sistem ePPAx untuk mendapatkan Perakuan JTKSM**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KELULUSAN PERMOHONAN MAJIKAN TANPA MELALUI SISTEM ePPAx**

BIL.	TAHUN	BIL. REKOD	KUOTA PEKERJA ASING (Orang)	JUMLAH LEVI (RM Juta)
1.	2017	3,793	118,794	207.95
2.	2018	2,228	75,845	129.11
3.	2019	1,373	20,654	31.08
4.	2020	627	6,812	11.20
<b>JUMLAH</b>		<b>8,021</b>	<b>222,105</b>	<b>379.34</b>

Sumber: Data Kuota dan Bayaran Levi Dalam Sistem MyIMMs Bagi Tempoh Tahun 2017 Hingga 2020

- Semakan Audit juga mendapati, **dua (28.6%) daripada tujuh modul di Fasa 1 tidak digunakan. Selepas bulan Disember 2021 iaitu pada Fasa 2, permohonan penggajian pekerja asing tidak lagi diproses menggunakan Sistem ePPAx menyebabkan sebanyak 11 (78.6%) daripada 14 modul tidak digunakan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**STATUS PENGGUNAAN MODUL DALAM SISTEM ePPAx**

FASA 1 ( <i>Go-Live</i> Mulai 01.02. 2017)		FASA 2 ( <i>Go-Live</i> Mulai 25.10.2021)	
MODUL	STATUS PENGGUNAAN [(✓) / (x)]	MODUL	STATUS PENGGUNAAN [(✓) / (x)]
Modul 1: Pendaftaran Majikan	✓	Modul 1: Pendaftaran ID Majikan	x
Modul 2: Permohonan Pekerja Asing (Submodul One Stop Centre berada dalam modul ini tidak digunakan)	✓	Modul 2: Permohonan Baharu Pekerja Asing	x
Modul 3: Kemas Kini Butiran Majikan dan Pekerja Asing	✓	Modul 3: Permohonan Rayuan Pekerja Asing	x
Modul 4: Kemas Kini Maklumat VDR dan Bayaran Levi	x	Modul 4: Kalkulator	✓
Modul 5: Permohonan, Pembaharuan dan Pengemaskinian Permit	x	Modul 5: Semakan dan Kemas Kini Permohonan/Maklumat	x
Modul 6: Laporan dan Management Dashboard	✓	Modul 6: Semakan Rekod Majikan	x

FASA 1 ( <i>Go-Live</i> Mulai 01.02. 2017)		FASA 2 ( <i>Go-Live</i> Mulai 25.10.2021)	
MODUL	STATUS PENGGUNAAN [(✓) / (x)]	MODUL	STATUS PENGGUNAAN [(✓) / (x)]
Modul 7: Pentadbir Sistem	✓	Modul 7: <i>One Stop Centre</i>	x
		Modul 8: Kemas Kini Maklumat VDR dan Bayaran Levi	x
		Modul 9: Permohonan, Pembaharuan dan Pengemaskinian Permit	x
		Modul 10: Pengurusan Kemalangan Pekerja Asing	x
		Modul 11: Laporan dan <i>Management Dashboard</i>	x
		Modul 12: Aplikasi Mobil	x
		Modul 13: Meja Bantu	✓
		Modul 14: Pentadbir Sistem	✓

Sumber: Ujian *Walkthrough* Sistem ePPAx pada 14 dan 15 Julai 2022

Nota: (✓) - Digunakan  
(x) - Tidak Digunakan

- Berdasarkan memo Yang Berhormat (YB) MSM kepada Ketua Setiausaha KSM pada bulan Oktober 2020, Modul eQuota melalui FWCMS digunakan bagi permohonan pekerja asing. Memo tersebut dikeluarkan sebelum Sistem ePPAx Fasa 2 selesai dibangunkan. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 juga bersetuju dengan penggunaan FWCMS sebagai sistem holistik bagi pengurusan pekerja asing secara dalam talian.
- Semakan ke atas **penggunaan Modul Meja Bantu menunjukkan pegawai tidak mengakses sistem secara rutin. Perkara ini adalah disebabkan keputusan supaya tidak menggunakan Sistem ePPAx** bagi tujuan permohonan pekerja asing. Berikutan itu, sebanyak 320 (65.4%) daripada 489 aduan hanya diselesaikan dalam tempoh empat hingga 52 hari berbanding ketetapan dalam piagam pelanggan, iaitu tiga hari bekerja dari tarikh aduan diterima. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**ADUAN DISELESAIKAN MELEBIHI TEMPOH**  
**BAGI 1 NOVEMBER 2021 HINGGA 30 NOVEMBER 2022**

ADUAN	TAHUN *	DITERIMA	LEWAT		TEMPOH MASA ADUAN DISELESAIKAN** (Hari)
		BIL.	BIL.	%	
Operasi	2021	118	118	100	24 hingga 52
	2022	145	60	41.4	4 hingga 23
Penukaran E-mel	2021	5	5	100	30 hingga 44
	2022	10	6	60	4 hingga 12

ADUAN	TAHUN *	DITERIMA	LEWAT		TEMPOH MASA ADUAN DISELESAIKAN** (Hari)
		BIL.	BIL.	%	
Semakan ID Pengguna	2021	77	77	100	24 hingga 51
	2022	134	54	40.3	4 hingga 23
<b>JUMLAH</b>		<b>489</b>	<b>320</b>	<b>65.4</b>	<b>4 hingga 52</b>

Sumber: Laporan Statistik Aduan Meja Bantu dan Laporan Senarai Aduan

Nota: (\*) - Tahun 2021: Aduan Bagi Tempoh 1 November hingga 31 Disember 2021

Tahun 2022: Aduan Bagi Tempoh 1 Januari hingga 30 November 2022

(\*\*) - Kiraan Audit berdasarkan Hari Bekerja Wilayah Persekutuan Putrajaya

- Ketelusan dan integriti data tidak dapat dinilai disebabkan proses kelulusan kuota tidak dilaksanakan dalam Sistem ePPAx. Selain itu, terdapat kuota diluluskan tanpa mendapatkan Perakuan JTKSM.

### **Maklum balas JTKSM yang diterima pada 9 Mac 2023 dan KSM pada 17 Mei 2023**

#### **Penggunaan Sistem**

- a. Jabatan telah mengendalikan 41,795 permohonan Perakuan JTKSM dan 6,208 permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK). Sistem ePPAx telah dihentikan penggunaannya untuk permohonan RTK berdasarkan arahan pengurusan atasan KSM supaya menggunakan Sistem FWCMS manakala Modul Permohonan Perakuan JTKSM tidak digunakan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri terhadap penggunaan FWCMS.
- b. Bermula 1 Mac 2023, Sistem ePPAx digunakan untuk tujuan permohonan Pegawai Dagang dan permohonan Pertukaran Majikan (PTM). Bilangan permohonan Pegawai Dagang yang dikendalikan adalah sebanyak 533 dan PTM sebanyak 26 bagi tempoh 1 Mac 2023 hingga 13 Mei 2023. Sistem ePPAx turut dicadang untuk diperluaskan bagi tujuan permohonan Pembantu Rumah Asing dan lain-lain kategori pekerja asing.

#### **Permohonan Tidak Melalui Sistem ePPAx**

Isu ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 Mengenai Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing dan maklum balas dari KDN menyatakan kelulusan kuota yang diberi adalah mengikut peruntukan kuasa MDN melalui mesyuarat JKK-PA Ke-33 Bil.2/2005.

#### **Modul Meja Bantu**

Penutupan permohonan pekerja asing menerusi Sistem ePPAx menyebabkan aduan yang diterima dalam Modul Meja Bantu tidak diambil tindakan. Namun, Jabatan sentiasa menyemak dan memastikan aduan yang diterima menerusi Modul Meja Bantu diselesaikan mengikut piagam pelanggan memandangkan Sistem ePPAx kini digunakan untuk permohonan Pegawai Dagang dan PTM.

## ii. Integrasi Sistem

- Berdasarkan Klausula 18 Perjanjian ePPAx Fasa 1 (Jadual 3, Perisian Aplikasi) dan Klausula 5 Perjanjian Tambahan 1 ePPAx Fasa 2 (Jadual 2, Perisian Aplikasi), Sistem ePPAx hendaklah berintegrasi dengan lapan sistem di empat Jabatan/Agenzi. Sistem terlibat ialah Labour Market Database (LMD), JobsMalaysia dan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) di JTKSM, MyIMMs di JIM, CIMS di CIDB serta ASSIST, MyFutureJobs dan SIKAP di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
- Semakan Audit mendapati **Sistem ePPAx belum berintegrasi dengan SPPB dan SIKAP disebabkan dua sistem tersebut masih dalam fasa pembangunan.** Keadaan ini menyebabkan transmisi data belum dapat dilaksanakan walaupun fungsi *web services* telah sedia untuk digunakan. Kos dibayar adalah berjumlah RM180,000 daripada nilai kos keseluruhan integrasi Fasa 2 berjumlah RM0.56 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**INTEGRASI SISTEM LUAR DENGAN SISTEM ePPAx**

BIL.	PERKARA	PEMILIK SISTEM/MODUL	KOS (RM)	
			FASA 1	FASA 2
<b>Sistem (Kos Integrasi)</b>				
1.	LMD	JTKSM		-
2.	JobsMalaysia	JTKSM	90,000	-
3.	MyIMMs - Integrasi sistem ditambah baik di Fasa 2	JIM	90,000	100,000
4.	CIMS - Integrasi sistem ditambah baik di Fasa 2	CIDB	90,000	90,000
5.	SPPB - Sistem ini dibangunkan untuk menggantikan fungsi LMD	JTKSM	-	80,000
6.	MyFutureJobs - Sistem ini dibangunkan untuk menggantikan fungsi JobsMalaysia	PERKESO	-	80,000
7.	ASSIST, PERKESO			110,000
<b>JUMLAH (a)</b>			<b>270,000</b>	<b>460,000</b>
<b>Modul (Kos Pembangunan Modul)</b>				
1.	Pengurusan Kemalangan Pekerja Asing - Modul ini perlu berintegrasi dengan SPPB dan SIKAP	JTKSM	-	100,000
<b>JUMLAH (b)</b>			<b>-</b>	<b>100,000</b>
<b>JUMLAH [(c) = (a) + (b)]</b>			<b>270,000</b>	<b>560,000</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>830,000</b>	

Sumber: Perjanjian ePPAx Fasa 1 dan Fasa 2 serta Dokumen Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) Modul Kemalangan Pekerja Asing

Nota:  - Sistem ePPAx Belum Berintegrasi Dengan Dua Sistem Luar

### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

- a. Projek pembangunan SPPB telah ditamatkan pada 17 Julai 2022 dan JTKSM sedang mendapatkan peruntukan semula daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Projek pembangunan semula SIKAP oleh PERKESO dijangka akan siap pada tahun 2024 dan integrasi akan dijalankan apabila ia selesai dibangunkan.
- b. Pembayaran sejumlah RM180,000 diluluskan kerana pihak pembekal telah melaksanakan kerja-kerja pembangunan bagi kedua-dua integrasi di Sistem ePPAx Fasa 2 mengikut spesifikasi yang dikehendaki, bagaimanapun kegagalan menyiapkan SPPB dan SIKAP menyebabkan integrasi tidak berlaku.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Prestasi penggunaan Sistem ePPAx yang dibangunkan dengan kos berjumlah RM19.39 juta adalah kurang memuaskan kerana tidak dapat dioptimumkan penggunaannya. Ini disebabkan KDN menggunakan Sistem MyIMMs bagi kelulusan kuota dan keputusan Jemaah Menteri untuk menggunakan FWCMS sebagai sistem holistik bagi pengurusan pekerja asing.</b>
-----------------------	---

#### **5.1.1.2. FWCMS**

##### **a. Pelaksanaan Sistem**

- i. Perenggan 4(i) SST menyatakan Syarikat 838886-T hendaklah membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara FWCMS untuk Kerajaan melibatkan 14 modul. Perjanjian Bio-Medical System (BMS)<sup>3</sup>, Klaus 3 *Scope of Work* menyatakan Syarikat 838886-T *shall carry out the following work for the successful implementation, operation, management, maintenance, facilitation, installation, support and service works of BMS.* Secara keseluruhannya, 15 modul hendaklah disediakan untuk kegunaan Kerajaan.
- ii. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 meluluskan pelaksanaan FWCMS sebagai sistem antara muka untuk kemudahan fasilitasi keseluruhan proses penggajian pekerja asing. FWCMS perlu diintegrasikan dengan sistem teras yang dibangunkan oleh Kerajaan melalui konsep *single window*.

---

<sup>3</sup> Bio-Medical System (BMS) merupakan salah satu modul dalam FWCMS iaitu Modul Bio-Medical.

- iii. Semakan Audit mendapati sebanyak 12 (80%) daripada 15 modul telah siap dan *go-live* **kecuali tiga modul iaitu ePas Lawatan Kerja Sementara (ePLKS), Online Payment dan eWages**. Pada masa kini, perkhidmatan PLKS dan pembayaran secara dalam talian menggunakan Sistem MyIMMs dan syarikat yang dilantik Kerajaan. Pelaksanaan eWages pula masih di peringkat rundingan antara KSM dengan Syarikat 838886-T. Selain itu, ketika ini FWCMS telah berintegrasi dengan dua sistem Kerajaan iaitu MyIMMs, JIM dan e-Info, SSM.

### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

Pelaksanaan Modul eWages belum dilaksanakan kerana kemasukan pekerja asing ke negara ini masih belum mencapai tahap sebelum berlakunya pandemik Covid-19. KSM akan mencadangkan pelaksanaan eWages ini selepas keadaan pengambilan pekerja asing telah kembali ke tahap normal.

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

Penggunaan Modul ePLKS dan Online Payment bergantung kepada keputusan dasar dan keperluan operasi JIM. Keputusan dasar semasa adalah JIM menggunakan sepenuhnya ePLKS dalam Sistem MyIMMs.

**Pendapat | Tiga modul FWCMS iaitu ePLKS, Online Payment dan eWages Audit | masih di peringkat rundingan dan tertakluk kepada keputusan dasar.**

## **b. Kefungsian Modul**

- i. Dokumen *System Requirement Specification* (SRS), Modul eQuota menyatakan fungsi *Quota History* disediakan untuk JTKSM dan AKS menyemak maklumat sejarah kuota dan VDR. Antara maklumat disediakan ialah *Quota Application History* dan *Quota Info*.
- ii. Bagi Modul eEnforcement, antara fungsi yang diwujudkan ialah menghantar notifikasi kepada majikan dalam tempoh 90, 60, 30 dan 14 hari sebelum tarikh tamat PLKS sebagai peringatan untuk memperbaharui PLKS dalam tempoh sah bagi mematuhi Akta dan Peraturan Imigresen. Bilangan dan maklumat kali terakhir penghantaran notifikasi kepada majikan dipaparkan untuk makluman pegawai JIM.

- iii. Ujian *walkthrough* Audit yang dilaksanakan terhadap fungsi *Quota Application History* dan *Quota Info* dalam *Quota History*, Modul eQuota mendapati **maklumat permohonan dan kelulusan kuota terdahulu tidak dipaparkan seperti yang ditetapkan dalam SRS**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 5**.

**RAJAH 5**  
**RUANGAN QUOTA HISTORY TIDAK MEMAPARKAN MAKLUMAT SEJARAH PERMOHONAN DAN KELULUSAN KUOTA TERDAHULU**

Quota History																											
Worker Status																											
<input type="radio"/> Active									All																		
QUOTA APPLICATION HISTORY																											
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #0070C0; color: white;">Quota Ref No.</th> <th style="background-color: #0070C0; color: white;">Application Date</th> <th style="background-color: #0070C0; color: white;">No of Quota Applied</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>										Quota Ref No.	Application Date	No of Quota Applied															
Quota Ref No.	Application Date	No of Quota Applied																									
QUOTA INFO																											
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>KDN Ref No</th> <th>Citizenship</th> <th>Sector</th> <th>Position</th> <th>Skill Level</th> <th>Duration</th> <th>No of Position</th> <th>No of Quota Approve</th> <th>Balance</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td>NON PROFESSIONAL</td> <td>12</td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>										KDN Ref No	Citizenship	Sector	Position	Skill Level	Duration	No of Position	No of Quota Approve	Balance					NON PROFESSIONAL	12			
KDN Ref No	Citizenship	Sector	Position	Skill Level	Duration	No of Position	No of Quota Approve	Balance																			
				NON PROFESSIONAL	12																						

Sumber: [https://gov.fwcms.com.my/\\_Modul eQuota](https://gov.fwcms.com.my/_Modul eQuota)

- iv. Ujian *walkthrough* Audit terhadap Modul eEnforcement mendapati **ruangan notifikasi menunjukkan sifar iaitu tiada notifikasi dan maklumat kali terakhir dihantar kepada majikan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 6**.

**RAJAH 6**  
**RUANGAN NOTIFIKASI MENUNJUKKAN SIFAR IAITU TIADA NOTIFIKASI DAN MAKLUMAT KALI TERAKHIR DIHANTAR KEPADA MAJIKAN**

eEnforcement Enquiry										
Search Criteria										
Please enter at least 1 search criteria										
PL(KS) Expiry Date From	01/12/2022	PL(KS) Expiry Date To	31/12/2022	Employer Name	- ALL -	Nationality	- ALL -			
ROC No.										
Passport No.										
				Reset	Search					
Showing Page 3,213 of 3,213										
No	Employer Name	Worker Name	Sector	Place Of Work	PL(KS) Expiry Date	No. Of PLKS Renew	Notification No.	Last Send Notification Date Time	Pass Status (Application Date After PLKS Expired)	Special Pass (Expiry Date)
48181	[REDACTED] SDN BHD	[REDACTED]	SERVICES	AMPANG	15/12/2022	1	0	-	-	JE22D5RE0YHN (23/06/2023)
48182	[REDACTED] SDN BHD	[REDACTED]	CONSTRUCTION	-	02/12/2022	1	0	-	-	-
48183	[REDACTED] BHD	[REDACTED]	CONSTRUCTION	SHAH ALAM	21/12/2022	1	0	-	-	E0FC5PD6GD8 (21/06/2022)

Sumber: [https://gov.fwcms.com.my/\\_Modul eEnforcement](https://gov.fwcms.com.my/_Modul eEnforcement)

### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

Perkara ini telah dibangkitkan kepada Syarikat 838886-T supaya ketidakpadanan data diatasi dengan kadar segera, namun masih belum diselesaikan kerana melibatkan integrasi data dengan Sistem MyIMMs.

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 30 Mac 2023**

Bahagian Penguatkuasaan JIM tidak dapat menentukan notis peringatan tersebut telah dihantar kepada majikan.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Fungsi Modul eQuota dan eEnforcement kurang memuaskan. Ketiadaan maklumat sejarah kelulusan kuota memberi risiko terhadap kawalan had kuota mengikut kelayakan majikan. Paparan notifikasi PLKS tamat tempoh yang tidak dihantar sebagai peringatan kepada majikan mengakibatkan sistem tidak membantu untuk mempermudahkan urusan berkaitan.</b>
-----------------------	--

#### **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Pencapaian keberhasilan dinilai terhadap keseluruhan pembangunan/pelaksanaan sistem, kecekapan proses pengurusan pekerja asing dan kawalan penetapan had kuota serta menilai persepsi majikan terhadap Sistem ePPAx dan FWCMS.

##### **5.1.2.1. Sistem ePPAx**

###### **a. Pencapaian Keberhasilan Keseluruhan Pembangunan Sistem**

- i. Objektif pembangunan Sistem ePPAx untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pekerja asing secara holistik, iaitu bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan pekerja dihantar pulang ke negara asal. Sistem ini merupakan alternatif pengurusan pekerja asing melalui konsep sistem tunggal.
- ii. Dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) menyatakan pembangunan Sistem ePPAx telah mempercepat dan memudahkan pengambilan pekerja asing dalam sektor yang dibenarkan di bawah inisiatif Blueprint Produktiviti Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2017.
- iii. Semakan Audit mendapati, Sistem ePPAx yang dibangunkan **tidak digunakan bagi melaksanakan proses pengurusan pekerja asing sepenuhnya seperti dinyatakan dalam RMKe-12.**

Perkara ini menjelaskan pencapaian objektif pembangunan Sistem ePPAx yang ditetapkan.

- iv. Hal ini disebabkan FWCMS digunakan bagi pengurusan pekerja asing berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021.

### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

Hasrat mewujudkan sistem bersepada secara holistik telah dilaksanakan menerusi integrasi dengan sistem utama JIM iaitu Sistem MyIMMs. Namun, Modul Permohonan Pekerja Asing dan Modul OSC yang dibangunkan dalam Sistem ePPAx tidak digunakan susulan daripada arahan penggunaan FWCMS berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 menyebabkan hasrat ini tidak direalisasikan.

**Pendapat Audit** | **Objektif pembangunan Sistem ePPAx tidak tercapai kerana tidak digunakan sepenuhnya bagi pengurusan pekerja asing susulan daripada perubahan hala tuju penggunaan sistem pengurusan pekerja asing.**

### **b. Kecekapan Proses Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem**


#### **i. Tempoh Mengeluarkan Perakuan JTKSM dan Keputusan Permohonan RTK JTKSM**

- JKK-PA memutuskan majikan perlu mendapatkan Perakuan JTKSM bagi syor kelayakan kuota permohonan pekerja asing. JKK-PATI menetapkan Perakuan JTKSM sama ada syor sokong atau tolak hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh permohonan majikan diterima.
- Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) bertujuan meregularisasikan PATI sebagai pekerja asing sah untuk digaji tertakluk kepada syarat yang ditetapkan Kerajaan. Pelaksanaan program ini bermula 16 November 2020 hingga 31 Disember 2021. Mesyuarat Taklimat Pelaksanaan Pelan Rekalibrasi PATI bertarikh 12 November 2020 memutuskan Keputusan Permohonan RTK JTKSM dikeluarkan dalam tempoh tujuh hari.
- Analisis Audit terhadap data Permohonan Majikan Sistem ePPAx bagi tempoh 1 Februari 2017 hingga 31 Disember 2021 mendapati sebanyak 33,293 majikan membuat permohonan pekerja asing.

Daripada jumlah tersebut, didapati tempoh mengeluarkan Perakuan JTKSM bagi 15,206 (45.7%) permohonan dibuat **antara dua hingga 19 bulan**. Selain itu, analisis Audit mendapati sebanyak 8,502 permohonan rayuan majikan diterima. Daripada jumlah tersebut, didapati tempoh mengeluarkan Perakuan JTKSM bagi 2,672 (31.4%) permohonan rayuan dibuat **antara dua hingga 31 bulan**.

- Selanjutnya, analisis Audit terhadap data Permohonan Majikan Program RTK bagi tempoh 16 November 2020 hingga 9 Julai 2021 mendapati sebanyak 6,208 majikan membuat permohonan. Daripada jumlah tersebut, didapati tempoh mengeluarkan Keputusan Permohonan RTK JTKSM bagi 6,204 (99.9%) permohonan dibuat **antara Iapan hingga 395 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**TEMPOH MENGELOUARKAN PERAKUAN JTKSM DAN**  
**KEPUTUSAN PERMOHONAN RTK JTKSM**



Sumber: Data Permohonan Majikan Sistem ePPAx yang Dimuat Turun oleh Pasukan Audit pada 18 Julai 2022

### Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023

- Pelaksanaan PKP secara berfasa menyekat pergerakan pegawai untuk menjalankan siasatan ke premis majikan dan penginapan pekerja.
- Kekurangan pegawai penyiasat dalam melaksanakan proses siasatan JTKSM iaitu memastikan kewujudan majikan, ketulenan permohonan, pematuhan undang-

undang perburuhan dan keesahan pengoperasian majikan menjadi punca kelewatan penyelesaian permohonan. Bilangan pegawai penyiasat JTKSM sebanyak 580 orang (gred S19 hingga S41) sedia ada tidak mencukupi untuk menampung pengoperasian Jabatan dan melaksanakan pemeriksaan berkanun secara berkala ke atas hampir 800,000 tempat pekerjaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

- c. Isu logistik dan jarak dari PTK ke premis/tempat pekerjaan yang jauh dan terpencil serta bilangan kenderaan Jabatan yang terhad.
- d. Permohonan rayuan lewat diselesaikan kerana memberi masa kepada majikan melaksanakan pematuhan terhadap kesalahan undang-undang perburuhan.
- e. Kelewatan penyelesaian permohonan RTK berpunca daripada perubahan Sistem ePPAx kepada FWCMS yang mana tiada tindakan diambil ke atas permohonan yang berstatus "dalam tindakan" di Sistem ePPAx.


<b>Pendapat Audit</b>	<b>Tempoh mengeluarkan Perakuan JTKSM dan Keputusan Permohonan RTK JTKSM dalam Sistem ePPAx adalah kurang memuaskan kerana melebihi tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini memberi kesan kepada kecekapan pengurusan pekerja asing.</b>
-----------------------	--

#### **5.1.2.2. FWCMS**

##### **a. Pencapaian Keberhasilan Keseluruhan Pelaksanaan Sistem**

- i. Objektif pelaksanaan FWCMS adalah mewujudkan sebuah sistem holistik bagi pengurusan pekerja asing secara dalam talian bermula daripada proses permohonan dan kelulusan kuota, proses saringan calon pekerja asing di negara sumber sehingga tiba di Malaysia, penggajian dan proses penghantaran pulang pekerja asing ke negara asal.
- ii. Pelaksanaan FWCMS sebagai sistem holistik pengurusan pekerja asing **belum dapat dinilai** kerana 12 (80%) daripada 15 modul sahaja dilaksanakan. Selain itu, pelaksanaan **12 modul lengkap hanya digunakan untuk negara sumber Bangladesh** berbanding 15 negara sumber dibenarkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Rajah 7**.

**RAJAH 7**  
**PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI FWCMS**



Sumber: KSM dan KDN

### Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023

Penggunaan Modul eEmbassy adalah tertakluk kepada kesediaan dan persetujuan negara sumber kerana setakat ini hanya negara Bangladesh sahaja yang telah menyatakan persetujuan kerana masalah eksloitasi pekerja oleh ejen-ejen pekerjaan yang tidak bertanggungjawab.

### Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023

Pelaksanaan Modul ePLKS, Online Payment dan eWages memerlukan penelitian lanjut Kerajaan berkaitan caj dan prosedur sebelum dibenarkan dilaksanakan melalui sistem ini.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Objektif pelaksanaan FWCMS sebagai sebuah sistem holistik belum dapat dinilai kerana kitaran lengkap pengurusan pekerja asing menggunakan keseluruhan modul melibatkan kesemua negara sumber masih belum berlaku.</b>
-----------------------	--

## b. Kecekapan Proses Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem


### i. Tempoh Kelulusan Kuota

- Kelulusan kuota pada tahun 2022 dikategorikan kepada dua jenis iaitu kelulusan normal dan kelulusan Jawatankuasa Khas Sementara KSM (Jawatankuasa Khas). Bagi kelulusan normal, proses kerja myPortfolio

pegawai BPPM KSM menetapkan keputusan permohonan majikan dibuat dalam tempoh satu hingga tiga hari dari tarikh perakuan AKS selepas ditemu duga, dengan mengambil kira saringan kelayakan majikan oleh PERKESO, PTK dan JTKSM.


- Bagi kelulusan kuota melalui Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan pada 14 April 2022 pula, ia bertujuan untuk menyegerakan kelulusan permohonan pekerja asing melalui Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KSM. Permohonan majikan diluluskan selepas ditemu duga oleh Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing tersebut. Proses kelulusan melalui Jawatankuasa ini mengecualikan peranan PERKESO, PTK, JTKSM dan AKS.
- Analisis Audit terhadap tempoh kelulusan kuota normal mendapati sebanyak **76 (0.1%) daripada 1,122 bilangan permohonan diluluskan antara empat hingga 44 hari** dari tarikh perakuan AKS. Di bawah kelulusan Jawatankuasa Khas pula, sebanyak **9,372 (92.8%) daripada 10,094 bilangan permohonan diluluskan antara empat hingga 145 hari** dari tarikh temu duga. Pihak Audit mendapati tempoh masa kelulusan kuota di bawah Jawatankuasa Khas meningkat disebabkan oleh pertimbangan keputusan permohonan majikan diangkat secara manual melalui minit bebas untuk perakuan YB MSM sebelum keputusan Jawatankuasa dikunci masuk oleh tiga orang pegawai Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KSM. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**STATISTIK TEMPOH KELULUSAN KUOTA DARI TARIKH PERAKUAN AKS/TEMU DUGA**



Sumber: Data eQuota dan Analisis JAN

- Kesannya, permohonan majikan diselesaikan antara tempoh satu hingga lapan bulan dari tarikh permohonan diterima lengkap. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.



Sumber: Data eQuota dan Analisis JAN

### Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023

Antara sebab/justifikasi peningkatan tempoh masa kelulusan adalah seperti berikut:

- a. Proses naziran mengambil masa tidak kurang daripada tujuh hari dan perakuan AKS atau kelulusan oleh KSM hanya dibuat selepas laporan naziran diterima;
- b. Status *keep in view* oleh AKS dan pengesyoran dibuat selepas sesi temu duga atas keperluan untuk semakan lanjut bersama bahagian perlesenan atau mana-mana agensi lain yang berkaitan dan permohonan untuk majikan mengemukakan dokumen sokongan tambahan;
- c. Kekangan bilangan pegawai pelulus kuota; dan
- d. Permohonan majikan di bawah Jawatankuasa Khas Sementara KSM perlu diangkat kepada YB MSM untuk keputusan sebelum dikemas kini dalam sistem. Semasa tempoh ini KSM tidak mempunyai bahagian khusus untuk mengendalikan kelulusan pekerja asing.

### ii. Tempoh Kelulusan Permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR)

- Surat KDN bilangan 5 bertarikh 14 Julai 2016 kepada Syarikat 838886-T menyatakan tempoh masa pemprosesan kelulusan VDR

telah dapat dikurangkan daripada dua hingga tiga bulan kepada 48 jam secara purata sejak eVDR dilaksanakan secara menyeluruh mulai 15 Jun 2015. Pencapaian eVDR ini turut dinyatakan dalam Memorandum Bersama MDN dan MSM bertarikh 16 Disember 2021 kepada Jemaah Menteri dalam menentukan hala tuju pelaksanaan dan cadangan pemeteraian perjanjian FWCMS.

- Analisis Audit terhadap data eVDR mendapati sebanyak 172,371 permohonan VDR diluluskan. Bagaimanapun hanya 61,204 (35.5%) permohonan diluluskan antara tempoh satu hingga dua hari, manakala **111,167 (64.5%) diluluskan antara tempoh tiga hingga 150 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**TEMPOH KELULUSAN VDR BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**

BIL.	TAHUN	BILANGAN VDR LULUS MENGIKUT TEMPOH (Hari)				JUMLAH VDR LULUS MENGIKUT TAHUN
		1 - 2	3 - 5	6 - 90	91 - 150	
1.	2018	20,512	17,347	21,022	11	58,892
2.	2019	19,807	11,475	10,725	-	42,007
3.	2020	2,791	1,786	1,491	1	6,069
4.	2021	-	-	-	-	-
5.	2022	18,094	14,528	32,763	18	65,403
<b>JUMLAH</b>		<b>61,204</b>	<b>45,136</b>	<b>66,001</b>	<b>30</b>	<b>172,371</b>
				<b>111,167 (64.5%)</b>		

Sumber: Data eVDR dan Analisis JAN

### Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023

Pengiraan KPI kelulusan eVDR akan ditambah baik seperti berikut:

- Kiraan tidak merangkumi hari bukan bekerja (cuti umum/cuti hujung minggu); dan
- FWCMS menyimpan tarikh sebenar permohonan yang berjaya dihantar ke Sistem MyIMMs dan tarikh kelulusan yang diberi oleh Sistem MyIMMs.

### iii. Tempoh Pengurusan Aduan

- Modul eComplaints digunakan oleh pekerja untuk membuat aduan penindasan atau pelanggaran undang-undang/peraturan yang dilakukan oleh majikan. Piagam Pelanggan JTKSM menetapkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan akan dimaklumkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh aduan.

- Analisis data eComplaints bagi tahun 2021 hingga 2022 mendapati 2,597 aduan berstatus selesai, belum selesai dan dalam tindakan pemeriksaan antara tempoh 31 hingga 549 hari. Ini merangkumi **2,290 aduan selesai antara tempoh 31 hingga 396 hari, 273 aduan belum selesai antara tempoh 31 hingga 549 hari dan 34 aduan dalam tindakan pemeriksaan bagi tempoh 31 hingga 248 hari**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6  
TEMPOH PENGURUSAN ADUAN BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2022**

BIL.	STATUS MAKLUM BALAS ADUAN	BILANGAN ADUAN MENGIKUT TEMPOH MAKLUM BALAS (Hari)			JUMLAH	
		1 - 30	31 - 365	366 - 549		
1.	Selesai	11,274	2,283	7	13,564	
			2,290			
2.	Belum Selesai	190	264	9	463	
			273			
3.	Dalam Tindakan Pemeriksaan	1	34	-	35	
			34			
<b>JUMLAH</b>		<b>11,465</b>	<b>2,581</b>	<b>16</b>	<b>14,062</b>	
				<b>2,597</b>		

Sumber: Data eComplaints dan Analisis JAN

### Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023

Antara faktor kelewatan adalah seperti berikut:

- Gangguan sistem yang berlaku menyebabkan pegawai tidak dapat mengemaskini aduan; dan
- Selain Modul eComplaints, pegawai JTKSM juga perlu mengemas kini aktiviti Jabatan dalam Sistem LMD. Perkara ini menyebabkan *redundant of work* kerana pegawai perlu mengemaskini kedua-dua sistem pada masa yang sama.

**Pendapat Audit** | Tempoh kelulusan kuota dan VDR serta tempoh bagi menguruskan aduan adalah kurang memuaskan kerana melebihi tempoh yang ditetapkan. Sistem ini tidak berfungsi secara automasi sepenuhnya dan masih bergantung kepada input yang dikunci masuk berdasarkan pertimbangan pegawai. Keadaan ini memberi kesan kepada kecekapan pengurusan pekerja asing.

### c. Kawalan Penetapan Had Kuota Melalui Sistem

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara MDN dan MSM Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Bilangan 1 Tahun 2018 pada 24 Oktober 2018 memutuskan penetapan siling pengambilan pekerja asing diperincikan secara objektif sebagai langkah kawalan yang lebih cekap berdasarkan keperluan sebenar.
- ii. Ucapan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan RMKe-12 bagi tahun 2021-2025 pada 27 September 2021 menyatakan bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah, penggunaan automasi dan mekanisasi dalam proses pengeluaran akan ditingkatkan dan pekerja asing dihadkan kepada 15% daripada tenaga kerja. Laporan Status Terkini Kelulusan Kuota dan Kemasukan Pekerja Asing yang dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2022 menyatakan keperluan guna tenaga pekerja asing adalah sebanyak 1.80 juta.
- iii. Berdasarkan analisis Audit terhadap data Modul eQuota bagi tahun 2022 setakat 3 Januari 2023, sebanyak 11,863 (58.1%) daripada 20,435 permohonan majikan diluluskan melibatkan 681,429 kuota pekerja asing. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN KUOTA PEKERJA ASING**  
**BAGI TAHUN 2022**

BIL.	SEKTOR	MAJIKAN		KEPUTUSAN			DALAM TINDAKAN	
		BIL. PERMOHONAN	KUOTA DIMOHON (Orang)	LULUS		TOLAK		
				BIL. PERMOHONAN	KUOTA DILULUSKAN (Orang)	BIL. PERMOHONAN		
1.	Perkilangan	9,835	576,930	6,957	366,568	2,356	522	29,561
2.	Perkhidmatan	6,667	463,295	3,100	129,749	2,826	741	51,757
3.	Pembinaan	1,683	290,643	710	88,699	716	257	52,626
4.	Perlادangan	951	163,022	484	68,607	352	115	21,502
5.	Pertanian	1,283	97,824	603	27,430	512	168	14,557
6.	Perlombongan dan Pengkuarian	16	560	9	376	4	3	90
<b>JUMLAH</b>		<b>20,435</b>	<b>1,592,274</b>	<b>11,863</b>	<b>681,429</b>	<b>6,766</b>	<b>1,806</b>	<b>170,093</b>

Sumber: Data eQuota FWCMS dan Analisis JAN

- iv. Berdasarkan Laporan Statistik Pekerja Asing, Bahagian Pekerja Asing JIM, jumlah pekerja asing aktif di Semenanjung Malaysia setakat 31 Disember 2022 adalah seramai 1.36 juta. Baki kelulusan kuota pekerja asing

sehingga 31 Disember 2022 yang belum digunakan adalah sebanyak 0.54 juta. Mengambil kira keperluan guna tenaga pekerja asing sebanyak 1.80 juta, kiraan Audit mendapati **wujud lebihan kelulusan kuota sebanyak 102,170 (5.7%) berbanding bilangan keperluan guna tenaga pekerja asing**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**LEBIHAN KELULUSAN KUOTA BERBANDING**  
**KEPERLUAN GUNA TENAGA PEKERJA ASING BAGI TAHUN 2022**

BIL.	PERKARA	JUMLAH ORANG (Juta)
1.	Keperluan Guna Tenaga Pekerja Asing Tahun 2022	1.80
2.	Pekerja Asing Aktif Sehingga 31 Disember 2022	(1.36)
3.	Baki Kelulusan Kuota Pekerja Asing Belum Masuk Sehingga 31 Disember 2022 (Jumlah Kuota Lulus - Jumlah Kemasukan Pekerja Asing) (0.68 juta - 0.14 juta*)	(0.54)
<b>JUMLAH LEBIHAN KUOTA</b>		<b>0.10</b>

Sumber: KDN dan KSM

Nota: (\*) - Jumlah Kemasukan Pekerja Asing Sebanyak 0.14 Juta adalah Berdasarkan Analisis Audit Terhadap Data Bio-Medical Verification pada Tahun 2022

- v. Lebihan ini berlaku disebabkan **penetapan had kuota mengikut unjuran keperluan sektor tidak diwujudkan dalam sistem** sebagai kawalan terhadap kelulusan kuota. Selain itu, lebihan ini juga memberi kesan kepada guna tenaga tempatan. Berdasarkan Laporan Tenaga Buruh Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 9 Disember 2022 bagi tempoh sehingga Oktober 2022 menunjukkan kadar pengangguran pada 3.6% iaitu 0.60 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 0.49 juta (81.7%) adalah penganggur aktif.

#### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

- a. Fungsi utama KSM adalah untuk memastikan kestabilan pasaran buruh tempatan dan asing. Unjuran keperluan tenaga kerja asing dalam RMKe-12 ditetapkan tidak melebihi 15% atau 2.45 juta daripada keseluruhan tenaga kerja menjelang tahun 2025. Unjuran ini menjadi penanda aras kepada Kementerian dalam meluluskan kuota pengajian pekerja asing. Merujuk kepada rekod JIM, setakat 8 Mei 2023, bilangan pekerja asing adalah seramai 1.61 juta. Jumlah ini masih rendah berbanding bilangan pekerja asing di dalam negara sebelum berlakunya pandemik Covid-19 iaitu sekitar 1.8 juta hingga 2.0 juta orang. Bilangan kelulusan kuota pekerja asing masih dalam kapasiti yang relevan serta memenuhi ketetapan RMKe-12.


- b. Kementerian bersetuju supaya penetapan siling kelulusan kuota pekerja asing diwujudkan dalam sistem pengurusan pekerja asing yang digunakan sebagai salah satu mekanisme kawalan tertakluk kepada keperluan sebenar industri dan maklum balas daripada AKS.

**Pendapat Audit** | **Kawalan penetapan had kuota adalah tidak memuaskan kerana mekanisme kawalan siling kuota tidak disediakan di dalam sistem. Perkara ini mengakibatkan lebihan kelulusan kuota berlaku dan risiko lebihan pekerja asing dalam negara serta menjelaskan peluang warga tempatan mengisi kekosongan jawatan di sektor terlibat.**

#### **5.1.2.3. Persepsi Majikan Terhadap Sistem**

- a. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik melalui pautan LimeSurvey mulai 23 September hingga 7 Oktober 2022 kepada responden, iaitu majikan yang pernah menggunakan Sistem ePPAx dan FWCMS. Tujuan soal selidik ini adalah untuk menilai tahap kepuasan majikan terhadap penggunaan sistem dalam pengurusan pekerja asing. Selain itu, tahap kecekapan pasukan sokongan teknikal turut dinilai dari aspek tempoh masa yang diambil untuk memberi maklum balas dan menyelesaikan aduan/pertanyaan majikan.
- b. Maklum balas diterima daripada 618 majikan iaitu 185 (29.9%) majikan yang menggunakan Sistem ePPAx dan 433 (70.1%) majikan menggunakan FWCMS.
- c. Secara keseluruhan, **393 (63.6%) responden berpuas hati**, manakala **225 (36.4%) tidak berpuas hati dengan penggunaan sistem**. Sebanyak 70.8% dan 60.5% responden berpuas hati terhadap Sistem ePPAx dan FWCMS masing-masing. Responden yang **tidak berpuas hati terhadap Sistem ePPAx adalah sebanyak 29.2%** manakala **39.5% terhadap FWCMS**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 4**.


**CARTA 4**  
**STATISTIK TAHAP KEPUASAN PENGGUNA SISTEM**



Sumber: Analisis JAN Berdasarkan Soal Selidik

- d. Antara pandangan responden mengenai penggunaan Sistem ePPAx dan FWCMS adalah:
  - i. Penggunaan sistem masih memerlukan majikan untuk mengemukakan dokumen secara manual;
  - ii. Proses kelulusan mengambil masa yang lama;
  - iii. Sistem tidak berfungsi dengan lancar;
  - iv. Majikan sukar mendapat bantuan sokongan teknikal untuk menyelesaikan masalah berbangkit;
  - v. Kelewatan memberi maklum balas sokongan teknikal; dan
  - vi. Kelewatan sokongan teknikal menyelesaikan masalah berbangkit.
- e. Tahap kepuasan pengguna terhadap kecekapan pasukan sokongan teknikal pula mendapati **123 (19.9%) responden menyatakan pasukan sokongan teknikal tidak membantu menyelesaikan aduan**, 310 (50.2%) responden menyatakan pasukan sokongan teknikal membantu sebahagian aduan dan 185 (29.9%) responden menyatakan pasukan sokongan teknikal membantu sepenuhnya bagi menyelesaikan aduan yang dibangkitkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 5**.


**CARTA 5**  
**STATISTIK KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP KECEKAPAN PASUKAN SOKONGAN TEKNIKAL MENYELESAIKAN ADUAN**



Sumber: Analisis JAN Berdasarkan Soal Selidik

- f. Selain itu, analisis Audit terhadap tempoh kecekapan pasukan sokongan teknikal untuk memberi maklum balas terhadap aduan majikan mendapati, sebanyak **371 (60%) responden menyatakan hanya mendapat sokongan teknikal dalam tempoh empat hari bekerja atau lebih**. Sebanyak 188 (30.4%) responden mendapat sokongan teknikal dalam tempoh dua hingga tiga hari bekerja dan **hanya 59 (9.6%) responden mendapat sokongan teknikal dalam tempoh sehari bekerja**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6**.

**CARTA 6**  
**STATISTIK TEMPOH KECEKAPAN PASUKAN SOKONGAN TEKNIKAL MEMBERI MAKLUM BALAS**



Sumber: Analisis JAN Berdasarkan Soal Selidik

**Pendapat Audit** | Hasil soal selidik menunjukkan tahap kepuasan majikan terhadap penggunaan sistem adalah memuaskan kecuali aspek kecekapan pasukan sokongan teknikal menyelesaikan aduan dan tempoh memberi maklum balas.


## 5.2. Pengurusan Sistem

### 5.2.1. Sistem ePPAx

#### 5.2.1.1. Integriti Sistem

- a. Berdasarkan dokumen Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) Permohonan Baharu Penggajian Pekerja Asing, fungsi kiraan kelayakan kuota pekerja asing telah ditetapkan. Permohonan dikelaskan tiada kuota kelayakan (overatio) sekiranya bilangan pekerja asing dipohon melebihi kiraan kelayakan dalam sistem. Reka bentuk sistem menetapkan permohonan pekerja asing tidak boleh diteruskan jika *overatio*.
- b. Keputusan Perakuan JTKSM sama ada syor sokong atau tolak dibuat oleh Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing dan Pekerja Tempatan (JPPAPT), manakala bagi Program RTK, kelulusan kuota dibuat oleh Jawatankuasa Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (JPRTK).
- c. Semakan Audit mendapati **pentadbir telah mengubah tetapan sistem untuk membenarkan permohonan diteruskan walaupun overatio**. Sekiranya fungsi kiraan kelayakan kuota melalui sistem diaktifkan, kelayakan syor kuota bagi 1,028 permohonan baharu majikan adalah 18,412 bilangan pekerja asing. Bagaimanapun bilangan yang disokong oleh JPPAPT adalah sebanyak 55,867. Selain itu, kelayakan syor kuota bagi 490 permohonan rayuan majikan adalah 9,500 berbanding bilangan yang disokong oleh JPPAPT sebanyak 19,573.
- d. Selanjutnya, kelayakan kelulusan kuota bagi 205 permohonan di bawah program RTK adalah 3,026 bilangan PATI. Bagaimanapun bilangan kuota diluluskan oleh JPRTK adalah 7,067. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 7**.

**CARTA 7**  
**KUOTA YANG DISOKONG BERBANDING KIRAAN KELAYAKAN DALAM SISTEM**



Sumber: Data Permohonan Majikan Sistem ePPAx yang Dimuat Turun oleh Pasukan Audit pada 18 Julai 2022

- e. Selain itu, analisis Audit lanjut mendapati **18 permohonan majikan** untuk menggajikan 1,291 PATI **dibuat di luar tempoh Program RTK** melalui Sistem ePPAx, iaitu **selepas permohonan RTK dalam sistem ditutup/ disable** pada 9 Julai 2021. Daripada 18 permohonan tersebut, sebanyak **16 permohonan disokong oleh JPRTK dan diluluskan kuota sebanyak 786 PATI**. Kesemua 16 permohonan tersebut adalah majikan yang tersenarai dalam Nota Pertimbangan kepada YB MSM bertarikh 29 Jun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PERMOHONAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING DI BAWAH PROGRAM RTK**  
**DI LUAR TEMPOH PENGGUNAAN SISTEM ePPAx**

SEKTOR	PERMOHONAN MAJIKAN		TEMPOH PERMOHONAN MAJIKAN	TEMPOH KEPUTUSAN JPRTK	KEPUTUSAN JPRTK				
	BIL. MAJIKAN	BIL. PATI (Orang)			TOLAK	SOKONG			
					BIL. PERMOHONAN	BIL. PERMOHONAN	KELULUSAN KUOTA PATI (Orang)		
Pembinaan	4	730	12.07.2021 hingga 13.07.2021	16.07.2021 hingga 27.12.2021	1	3	230		
Perkilangan	2	56	13.07.2021	16.07.2021	0	2	56		
Perladangan	1	350	13.07.2021	16.07.2021	0	1	350		
Pertanian	2	25	13.07.2021	16.07.2021	0	2	25		
Perkhidmatan	9	130	13.07.2021	16.07.2021	1	8	125		
<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<b>1,291</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2</b>	<b>16</b>	<b>786</b>		
					<b>18</b>		<b>-</b>		

Sumber: Data Permohonan Majikan Sistem ePPAx yang Dimuat Turun oleh Pasukan Audit pada 18 Julai 2022

## **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

### **Justifikasi Pengesoran Kuota**

- a. Pemberian syor kuota kelayakan kepada majikan tidak bergantung sepenuhnya kepada syor yang dikira dalam Sistem ePPAx kerana semakan fizikal masih dilakukan oleh pegawai penyiasat di lapangan. Semakan ini melibatkan rujukan pelbagai sumber antaranya dokumen permohonan seperti penyata KWSP dan geran tanah atau maklumat bilangan kuota yang disalurkan menerusi integrasi sistem.
- b. Bilangan syor kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan jumlah yang dipohon selagi tidak melebihi kelayakan sebenar majikan. Keputusan akhir mengenai kuota adalah tertakluk di OSC di KDN.

### **Permohonan Selepas Tutup RTK**

- a. Permohonan selepas penutupan modul RTK pada 9 Julai 2021 disebabkan:
  - i. Permohonan yang dikunci masuk berdasarkan arahan daripada YB MSM menerusi Nota Pertimbangan bertarikh 4 Julai 2021. Sebanyak 16 permohonan yang diluluskan adalah berdasarkan jumlah kuota yang dipohon kepada sektor/sub sektor yang dibenarkan sahaja; dan
  - ii. Permohonan yang dibuat pada 12 Julai 2021 adalah atas kesilapan pembekal yang hanya menutup modul RTK pada 12 Julai 2021.

**Pendapat | Mekanisme kawalan bagi fungsi kiraan kelayakan kuota dan Audit** **tempoh permohonan yang ditetapkan dalam sistem adalah tidak efektif. Ini adalah kerana tetapan sistem boleh diubah dan permohonan RTK boleh dikunci masuk selepas fungsi ditutup/ disable. Perubahan ini memberi implikasi permohonan melebihi kelayakan dan memberi kesan kepada tadbir urus penggunaan sistem yang baik.**

### **5.2.2. FWCMS**

#### **5.2.2.1. Pengurusan Perjanjian**

##### **a. Tandatangan Perjanjian**

- i. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2, Perenggan 5.1 menjelaskan dokumen kontrak hendaklah disempurnakan dalam tempoh empat bulan selepas SST ditandatangani oleh syarikat.

- ii. Pada 26 Oktober 2020, YB MDN memutuskan skop perjanjian Bio-Medical dimasukkan dalam perjanjian FWCMS. Seterusnya, Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 bersetuju supaya KDN dan KSM serta agensi-agensi berkaitan merundingkan serta memuktamadkan kaedah pelaksanaan, terma dan syarat perjanjian antara Kerajaan dan Syarikat 838886-T untuk melaksanakan dan menggunakan FWCMS.
- iii. Perjanjian bagi SST bertarikh 12 Januari 2018 melibatkan 14 modul (tidak termasuk Bio-Medical) yang disetuju terima oleh Syarikat 838886-T pada 15 Januari 2018, sepatutnya ditandatangani selewat-lewatnya pada 14 Mei 2018. Bagaimanapun, **perjanjian tersebut tidak ditandatangani** disebabkan oleh keputusan mesyuarat YAB Perdana Menteri bersama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 14 Mei 2018 supaya Kementerian mengkaji semula pelaksanaan dasar-dasar atau program termasuk pelaksanaan FWCMS.
- iv. Semakan Audit turut mendapati walaupun terdapat keputusan daripada YB MDN pada 26 Oktober 2020 dan persetujuan Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021, **perjanjian FWCMS keseluruhannya belum ditandatangani sehingga kini.**
- v. Kegagalan menandatangani perjanjian mengakibatkan obligasi perkhidmatan yang dikehendaki, hak milik terhadap sistem dan data-data Kerajaan yang digunakan serta aspek keselamatan dan integriti data tidak dapat ditentukan serta kepentingan Kerajaan tidak dipelihara.

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

Minit ceraian hala tuju pelaksanaan FWCMS dan BMS telah disediakan untuk mendapat pertimbangan dan persetujuan pihak pengurusan tertinggi KDN. Keputusan hala tuju tersebut memerlukan tindakan lanjut dengan pihak berkepentingan lain.

#### **b. Hak Harta Intelek Kerajaan**

- i. Merujuk kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), paten adalah satu hak eksklusif yang dianugerahkan untuk suatu reka cipta, sama ada ia adalah satu produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang baharu atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.
- ii. Klaus 9, Perjanjian Bio-Medical mengenai Intellectual Property Rights menyatakan Syarikat 838886-T *hereby transfers to the Government the*

*Intellectual Property Rights for the BMS in the Malaysia for the intended use and purposes as defined in the Agreement. Any intellectual property rights arising out of design, plans, formula, drawings, developed or used for or incorporated in the BMS shall vest in and become the sole property of the Government free and clear of all liens, claims and encumbrances.*

- iii. Berdasarkan carian Audit melalui laman sesawang Intellectual Property Online di bawah seliaan MyIPO pada 2 Februari 2023, pihak Audit mendapati Syarikat 838886-T **telah membuat permohonan untuk mematenkan System and Method for Collecting Medical Information of an Applicant in a Home Country for an Employment Determination as Foreign Worker in a Predetermined Destination Country** pada 21 Julai 2016.
- iv. Semakan turut mendapati **dua permohonan lain untuk mematenkan sistem dan kaedah pengurusan pekerja asing** dibuat oleh Syarikat 838886-T iaitu pada 11 Mei 2016 dan 20 Jun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10  
PERMOHONAN PATEN OLEH SYARIKAT 838886-T**

BIL.	NO. RUJUKAN PERMOHONAN	TARIKH PERMOHONAN	TAJUK PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN
1.	PI 2016001366	21.07.2016	<i>System and Method for Collecting Medical Information of an Applicant in a Home Country for an Employment Determination as Foreign Worker in a Predetermined Destination Country</i>	<i>Under Substantive Examination</i>
2.	PI 2016000866	11.05.2016	<i>System and Method for Facilitating Employers for Applying Foreign Workers</i>	
3.	PI 2018000985	20.06.2018	<i>Method and System for Tracking and Monitoring Salary and Wage of a Foreign Worker</i>	

Sumber: Laman Sesawang Intellectual Property Online pada 2 Februari 2023

- v. Sekiranya permohonan paten ini diluluskan, ia boleh memberi implikasi kepada hak Kerajaan terhadap Bio-Medical dan proses kerja pengurusan pekerja asing berkaitan.

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

Berdasarkan Klausula 9 Perjanjian Bio-Medical, Syarikat 838886-T hendaklah memindahkan Hak Harta Intelek kepada Kerajaan bagi BMS di Malaysia. Selanjutnya, berdasarkan penemuan Audit, terdapat satu permohonan hak milikan paten yang dibuat oleh Syarikat 838886-T yang menunjukkan ciri-ciri persamaan modul Bio-Medical.

Dalam hal ini, penelitian hendaklah dibuat dengan mendapatkan maklumat lanjut dan terperinci daripada MyIPO berhubung permohonan paten yang dibuat oleh syarikat. Selain itu, perbincangan perlu diadakan dengan Syarikat 838886-T bagi mendapatkan penjelasan mengenai:

- a. Status obligasi pihak Syarikat 838886-T berhubung hak harta intelek di bawah perjanjian;
- b. Pengesahan sama ada permohonan paten oleh Syarikat 838886-T adalah berkaitan sistem dan kaedah Bio-Medical; dan
- c. Maklumat terperinci berhubung permohonan paten yang didaftarkan.

#### **c. Pelanjutan Tempoh Perjanjian Bio-Medical**

- i. Klaus 2.1, Perjanjian Bio-Medical menerangkan tempoh perjanjian adalah selama enam tahun mulai 15 Jun 2015 hingga 14 Jun 2021. Klaus 2.4 Perjanjian pula menjelaskan "*In the event the Government agrees to extend the Agreement Period, such period is subject to terms and conditions to be mutually agreed by the Parties six months prior to the Agreement Expiry Date*". Merujuk kepada Klaus 2.5 Perjanjian, "*If the Parties fail to reach an agreement as to the terms of the extension, this Agreement shall automatically expire on the last day of the Agreement Period*". Klaus 19 Perjanjian menerangkan "*No amendment, modification or waiver of any of this provisions of this Agreement shall be effective unless made by mutual consent and made in writing specifically referring to this Agreement and duly signed by the Parties*".
- ii. Semakan Audit mendapati tadbir urus perjanjian Bio-Medical **tidak dibuat mengikut perjanjian di bawah klaus 2.4**. Perjanjian yang tamat pada 14 Jun 2021 hanya **mendapat kelulusan pelanjutan daripada Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 iaitu 191 hari selepas perjanjian tamat** dan pemakluman kepada syarikat dibuat melalui surat bertarikh 27 Januari 2022. Kelulusan ini menetapkan pengoperasian Bio-Medical dilanjutkan secara interim selama setahun atau sehingga perjanjian FWCMS dimeterai yang mana terdahulu. Bagaimanapun, setakat Mesyuarat Penutup pengauditan ini pada 10 Mei 2023, didapati **perjanjian tambahan Bio-Medical masih tidak ditandatangani**.

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

Minit ceraian hala tuju pelaksanaan FWCMS dan BMS telah disediakan untuk mendapat pertimbangan dan persetujuan pihak pengurusan tertinggi KDN. Keputusan hala tuju tersebut memerlukan tindakan lanjut dengan pihak berkepentingan lain.

#### **d. Penentuan Kaedah dan Kelulusan Pelaksanaan FWCMS**

- i. Merujuk kepada panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA), pelaksanaan sesuatu projek *Information and Communciation Technology* (ICT) hanya dimulakan setelah mendapat mandat dan kaedah pelaksanaan projek Pengurusan Projek ICT Sektor Awam termasuk sumber kewangan dikenal pasti. Berdasarkan Garis Panduan Kerjasama Awam-Swasta, Kementerian hendaklah mengemukakan cadangan projek *Public Private Partnership* (PPP) kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk penilaian sebelum diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri.
- ii. Berdasarkan Minit Ceraian bertarikh 27 Disember 2017 mengenai Hala Tuju dan Cadangan untuk pemeteraian kontrak FWCMS, YB MDN bersetuju supaya Nota Jemaah Menteri diangkat untuk pelaksanaan FWCMS sebelum KDN memeterai kontrak.
- iii. Semakan Audit mendapati **kaedah pelaksanaan FWCMS tidak dinyatakan dengan jelas dalam SST**. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 30 Oktober 2020 berpandangan bahawa pelaksanaan FWCMS **mirip kepada pelaksanaan projek PPP di bawah seliaan UKAS**. Bagaimanapun, surat UKAS bertarikh 30 Disember 2020 menerangkan **FWCMS tidak termasuk di dalam senarai projek yang telah mendapat kelulusan prinsip Jemaah Menteri atau Surat Niat untuk dilaksanakan secara PPP** bagi tahun 2009 hingga 31 Mei 2020. Semakan Audit turut mendapati **Nota Jemaah Menteri mengenai hala tuju dan pelaksanaan FWCMS tidak diangkat kepada Jemaah Menteri** sebelum SST dikeluarkan pada 12 Januari 2018.
- iv. KDN telah mengangkat Memorandum Jemaah Menteri pada 16 Disember 2021 memohon kelulusan Jemaah Menteri supaya pelaksanaan FWCMS dibuat secara PPP. Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 bersetuju supaya KDN dan KSM serta agensi-agensi berkaitan merundingkan serta memuktamadkan kaedah pelaksanaan FWCMS.

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

Minit ceraian hala tuju pelaksanaan FWCMS dan BMS telah disediakan untuk mendapat pertimbangan dan persetujuan pihak pengurusan tertinggi KDN. Keputusan hala tuju tersebut memerlukan tindakan lanjut dengan pihak berkepentingan lain.

**Pendapat Audit** | **Pengurusan keseluruhan perjanjian FWCMS tidak memuaskan, menyebabkan obligasi perjanjian dan hak Kerajaan tidak dapat ditentukan. Selain itu, penentuan kaedah pelaksanaan FWCMS tidak teratur kerana tidak mendapat mandat kelulusan sebelum SST dikeluarkan dan tiada hala tuju pelaksanaan yang jelas.**

#### **5.2.2.2. Integriti Sistem**

##### **a. Prosedur Kelulusan Kuota Melalui Sistem Bagi Permohonan Melalui Jawatankuasa Khas Sementara KSM**

- i. Mesyuarat Khas oleh Jawatankuasa Bersama Antara MDN dan MSM Mengenai Pengurusan Pekerja Asing (Jawatankuasa Bersama) pada 21 Januari 2022 memutuskan pengiklanan kekosongan jawatan di portal MyFutureJobs diwajibkan, siasatan oleh PTK serta pengesyoran JTKSM dibuat dalam tempoh tujuh hari dan proses temu duga majikan oleh AKS tidak perlu dilaksanakan. AKS membuat semakan dan syor untuk kelulusan Jawatankuasa Pekerja Warga Asing yang dianggotai oleh KSM, KDN dan AKS.
- ii. Semakan Audit mendapati fungsi **pengesyoran PERKESO, PTK, JTKSM dan AKS** dalam **Modul eQuota** telah dinyahaktifkan menyebabkan prosedur yang diputuskan oleh Jawatankuasa Bersama tidak dilaksanakan.
- iii. Jawatankuasa Khas Sementara KSM menetapkan majikan perlu melalui **proses temu duga yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KSM** untuk mendapatkan kelulusan kuota pekerja asing, iaitu bertentangan dengan keputusan Jawatankuasa Bersama. Selanjutnya, semakan terhadap **82 permohonan majikan didapati tidak melalui proses temu duga, tetapi telah diluluskan kuota sebanyak 1,656 pekerja asing**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**BILANGAN PERMOHONAN LULUS KUOTA TANPA PROSES TEMU DUGA**

BIL.	SEKTOR	BIL. PERMOHONAN	JUMLAH KUOTA LULUS (Orang)
1.	Perkhidmatan	47	933
2.	Perkilangan	33	678
3.	Pembinaan	1	25
4.	Pertanian	1	20
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>82</b>	<b>1,656</b>

Sumber: Data Modul eQuota

- iv. Semakan Audit mendapati penemuan oleh Unit Inspektorat dan Pematuhan, BPPM KSM pada 28 Oktober 2022 mengenai kelulusan telah diberikan kepada dua permohonan majikan yang mengemukakan maklumat palsu. Susulan itu, kelulusan kuota telah dibatalkan dan laporan polis telah dibuat oleh KSM.

#### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

- a. Keputusan/tindakan KSM ini tidak dapat diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Bersama kerana kekangan bagi mendapatkan tarikh melaksanakan mesyuarat, namun perkara ini telah dibentangkan dan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Jun 2022 menerusi Nota Jemaah Menteri bertajuk Status Terkini Kelulusan Permohonan Pekerja Warga Asing.
- b. Kementerian ini berpandangan bahawa 82 syarikat tersebut memenuhi kriteria kelayakan minima seperti ditetapkan oleh AKS.

#### **b. Pengiraan Kelayakan Kuota Majikan Melalui Sistem**

- i. Fungsi Pre Quota Calculation (PQC) dalam Modul eQuota berfungsi untuk membuat kiraan kelayakan kuota mengikut dasar yang ditetapkan. Proses permohonan majikan tidak dapat diteruskan sekiranya PQC mendapati majikan tidak memenuhi kelayakan kuota.
- ii. Semakan Audit mendapati **fungsi PQC telah dinyahaktif** semasa pengurusan pekerja asing dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Sementara KSM. Kesannya, saringan awal kelayakan kuota majikan tidak dilaksanakan.
- iii. Selanjutnya, saringan kelayakan kuota dibuat semasa proses temu duga oleh Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KSM. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sebanyak **31 permohonan yang tidak**

**melepas kelayakan dan disyorkan ‘tolak’ oleh Pasukan Petugas Pengurusan Pekerja Asing KSM telah diluluskan kuota sebanyak 2,325 pekerja asing.**

#### **Maklum balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

- a. KSM menggunakan syarat dan kriteria asas yang ditetapkan oleh AKS sebagai rujukan dan pertimbangan dalam penentuan kelayakan kuota. Pasukan Petugas Khas juga merujuk kepada pegawai AKS sekiranya terdapat keperluan sebelum membuat pengesyoran.
- b. Di bawah Jawatankuasa Khas Sementara, majikan dikehendaki menandatangani dua Aku Janji yang mengikat majikan untuk mematuhi segala perundungan yang telah termaktub dalam Aku Janji tersebut. JTKSM akan membuat pemantauan dalam tempoh enam bulan setelah kelulusan diberikan untuk memastikan pematuhan Aku Janji yang telah ditandatangani.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Integriti sistem dari segi kawalan saringan kelayakan dan kelulusan kuota tidak memuaskan kerana fungsi yang diwujudkan telah dinyahaktif. Ketidakpatuhan kepada prosedur ini menyebabkan butiran permohonan majikan tidak dapat disahkan terlebih dahulu dan membuka ruang kepada risiko penyalahgunaan.</b>
-----------------------	--

#### **5.2.2.3. Integriti Data Modul eEnforcement**

- a. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) KDN, Perkara C Asas Keselamatan ICT menyatakan, antara komponen asas dalam keselamatan ICT adalah integriti iaitu memastikan data dan maklumat adalah tepat dan lengkap seperti asal serta dikemas kini atau diubah dengan cara yang dibenarkan.
- b. Modul eEnforcement memaparkan maklumat PLKS pekerja asing seperti nama majikan dan pekerja asing, sektor dan jenis pekerjaan serta tarikh luput PLKS. Sumber maklumat yang dipaparkan adalah daripada sistem MyIMMs. Paparan maklumat PLKS yang lengkap adalah penting untuk kegunaan pegawai di Bahagian Penguatkuasaan JIM bagi tujuan operasi pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pekerja asing.
- c. Semakan Audit terhadap data Modul eEnforcement dalam tempoh Oktober hingga Disember 2022 mendapati **nama majikan tidak dipaparkan**

**bagi 216 (0.2%) daripada 113,739 pekerja asing yang telah luput tempoh PLKS.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12**  
**BILANGAN PEKERJA ASING LUPUT TEMPOH PLKS TIADA PAPARAN MAKLUMAT NAMA MAJIKAN BAGI TEMPOH OKTOBER HINGGA DISEMBESER 2022**

BIL.	BULAN	PEKERJA ASING LUPUT TEMPOH PLKS (Orang)	
		JUMLAH MENGIKUT BULAN	TIADA PAPARAN MAKLUMAT NAMA MAJIKAN
1.	Okttober	30,580	26
2.	November	37,043	75
3.	Disember	46,116	115
	<b>JUMLAH</b>	<b>113,739</b>	<b>216</b>

Sumber: Janaan Data Modul eEnforcement Setakat 22 Februari 2023

d. Selanjutnya, pihak Audit mendapati **maklumat yang dipaparkan pada Modul eEnforcement adalah berbeza dengan maklumat mengikut rekod Sistem MyIMMs yang diterima daripada JIM pada 28 Februari 2023.** Butiran adalah seperti berikut:

i. **Perbezaan tarikh luput PLKS bagi enam pekerja asing** seperti dalam **Jadual 13.**

**JADUAL 13**  
**PERBEZAAN MAKLUMAT TARIKH LUPUT PLKS**  
**MODUL eENFORCEMENT BERBANDING SISTEM MyIMMs**

BIL.	PAPARAN MODUL eENFORCEMENT PADA 08.03.2023				MAKLUMAT DITERIMA DARIPADA JIM PADA 28.02.2023	
	NO. PASPORT	SEKTOR	JENIS PEKERJAAN	TARIKH LUPUT PLKS	TARIKH LUPUT PLKS	TEMPOH SAH PAS KHAS
<b>Syarikat 207442-H</b>						
1.	09023929	Perkilangan	Pekerja Kilang	13.02.2023	13.02.2024	-
2.	11991735	Perkilangan	Pekerja Kilang			-
3.	08038373	Perkilangan	Pekerja Kilang	27.01.2023	27.01.2024	-
<b>Syarikat 1120462-W</b>						
4.	EG0037898	Perkilangan	Pekerja Kilang	25.01.2022	25.01.2023	Pas Khas 1: 30.01.2023 - 28.02.2023
5.	EG0042620	Perkilangan	Pekerja Kilang			
6.	EG0037899	Perkilangan	Pekerja Kilang			

Sumber: Paparan Maklumat Modul eEnforcement pada 8 Mac 2023 dan Maklumat diterima daripada JIM pada 28 Februari 2023

Nota:  - Perbezaan Maklumat Tarikh Luput PLKS Modul eEnforcement Berbanding Sistem MyIMMs

ii. **Perbezaan tarikh luput Pas Khas bagi 15 pekerja asing** seperti dalam **Jadual 14.**

**JADUAL 14**  
**PERBEZAAN MAKLUMAT TARikh LUPUT PAS KHAS**  
**MODUL eENFORCEMENT BERBANDING SISTEM MyIMMs**

BIL.	PAPARAN MODUL eENFORCEMENT PADA 08.03.2023			MAKLUMAT DITERIMA DARIPADA JIM PADA 28.02.2023
	NO. PASPORT	TARIKH LUPUT PLKS	TARIKH LUPUT PAS KHAS	TEMPOH SAH PAS KHAS
<b>Syarikat 207442-H</b>				
1.	BT0423632	19.11.2022	Tiada Maklumat	Pas Khas 1: 06.01.2023-04.02.2023
2.	BT0032839			
3.	BT0305262			
4.	BT0515970			
<b>Syarikat 1120462-W</b>				
5.	EJ0423858	18.12.2022	Tiada Maklumat	Pas Khas 1: 24.12.2022-22.01.2023 Pas Khas 2: 25.01.2023-23.02.2023
6.	EJ0424274			
7.	EJ0416538			
8.	EJ0406443	18.12.2022	21.01.2023	Pas Khas 1: 23.12.2002-21.01.2023 Pas Khas 2: 25.01.2023-23.02.2023
9.	EG0059287	23.10.2022	31.12.2022	Pas Khas 1: 02.12.2022-31.12.2022 Pas Khas 2: 10.01.2023-08.02.2023  Pas Khas 1: 26.10.2022-24.11.2022 Pas Khas 2: 02.12.2022-31.12.2022 Pas Khas 3: 06.01.2023-04.02.2023
10.	EG0042323			
11.	EG0038540			
12.	EG0028131			
13.	EG0037898	25.01.2022	Tiada Maklumat	Pas Khas 1: 30.01.2023-28.02.2023
14.	EG0042620			
15.	EG0037899			

Sumber: Paparan Maklumat Modul eEnforcement pada 8 Mac 2023 dan Maklumat Diterima Daripada JIM pada 28 Februari 2023

Nota:  - Perbezaan Maklumat Tarikh Luput Pas Khas Modul eEnforcement Berbanding Sistem MyIMMs

**iii. Perbezaan maklumat jenis pekerjaan bagi lima pekerja asing seperti dalam Jadual 15.**

**JADUAL 15**  
**PERBEZAAN MAKLUMAT JENIS PEKERJAAN**  
**MODUL eENFORCEMENT BERBANDING SISTEM MyIMMs**

BIL.	PAPARAN MODUL eENFORCEMENT PADA 08.03.2023			MAKLUMAT DITERIMA DARIPADA JIM PADA 28.02.2023
	NO. PASPORT	SEKTOR	JENIS PEKERJAAN	JENIS PEKERJAAN
<b>Syarikat 207442-H</b>				
1.	BT0423632	Perkhidmatan	Pekerja Kuari	Pekerja Kedai Runcit/Borong
2.	BR0143893			
3.	BT0032839			
4.	BT0305262			
5.	BT0515970			

Sumber: Paparan Maklumat Modul eEnforcement pada 8 Mac 2023 dan Maklumat Daripada JIM pada 28 Februari 2023

Nota:  - Perbezaan Maklumat Jenis Pekerjaan Modul eEnforcement Berbanding Sistem MyIMMs

### **Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

Perbezaan rekod di FWCMS sepatutnya tidak berlaku jika FWCMS menggunakan *table* data yang betul daripada Sistem MyIMMs. Tiada pindaan maklumat sektor atau jenis pekerjaan dibenarkan melainkan majikan atau syarikat telah mendapat kelulusan pertukaran sektor atau pertukaran majikan daripada OSC KSM/KDN. JIM akan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap keselarasan data dalam *table* melibatkan maklumat lokasi bekerja, majikan, cawangan, permohonan pas (teras dan semasa) dan kuota.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Kebolehpercayaan data Modul eEnforcement adalah kurang memuaskan kerana maklumat yang dipaparkan berbeza dengan Sistem MyIMMs. Perbezaan maklumat ini menyebabkan Modul eEnforcement tidak boleh dijadikan rujukan alternatif kepada Sistem MyIMMs bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap majikan dan pekerja asing oleh JIM.</b>
-----------------------	--

#### **5.2.2.4. Kawalan Keselamatan Sistem**

- a. Perenggan 20.1.7.(e) Arahan Teknologi Maklumat Disember 2007 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menyatakan setiap pengguna hendaklah dikenal pasti dengan pengenalan identiti pengguna yang unik dan hendaklah disahkan sebelum mendapat akses kepada sumber maklumat. DKICT KDN mengenai Pengurusan Capaian Pengguna menetapkan prosedur pendaftaran dan penamatan kebenaran kepada pengguna hendaklah diwujudkan bagi mencapai maklumat dan perkhidmatan. DKICT KSM mengenai Pengurusan Capaian Pengguna menetapkan setiap pendaftaran dan pembatalan pengguna hendaklah mendapat kelulusan KSM.
- b. Berdasarkan Manual Pengguna eQuota – Employer User Portal, majikan hanya dibenarkan untuk mendaftar satu ID majikan.
- c. Semakan Audit terhadap kawalan keselamatan sistem mendapati perkara seperti berikut:
  - i. **Peranan Super Admin**
    - Sebanyak **dua ID pengguna** berperanan sebagai **Super Admin KSM dipegang oleh individu bukan pegawai KSM**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**ID PENGGUNA YANG BERPERANAN SEBAGAI SUPER ADMIN**

BIL.	ID PENGGUNA	NAMA PENGGUNA	ID PENCIPTA AKAUN PENGGUNA	TARIKH ID DICIPTA	STATUS	E-MEL DIDAFTARKAN
1.	prodort1	Prodport1	mohdzhar	05.05.2021	Aktif	Tiada Maklumat
2.	superadmin	Super Admin	systemadmin	01.07.2016	Aktif	*****@838886-T.com.my

Sumber: Data FWCMS dan Analisis JAN

## ii. Kawalan ID Pengguna

- **Sebanyak 24 pengguna tidak disenaraikan sebagai pegawai KSM dengan peranan pelulus kuota (unauthorized user) dalam Modul eQuota telah meluluskan 24 permohonan majikan dengan jumlah 1,356 kuota pekerja asing.**
- Selain itu, **24 ID pengguna milik pegawai Syarikat 838886-T mempunyai peranan sebagai pengguna Kerajaan dan berstatus aktif.** Antara peranan tersebut ialah **KSM Menteri, JIM Supervisor, JIM Admin dan JIM Operator.** Selanjutnya, 24 ID pengguna tersebut **didaftarkan menggunakan enam alamat e-mel Syarikat 838886-T.**

Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17.**

**JADUAL 17**  
**BILANGAN ID PENGGUNA MILIK PEGAWAI SYARIKAT 838886-T  
 MEMPUNYAI PERANAN SEBAGAI PENGGUNA KERAJAAN**

BIL.	E-MEL DIDAFTARKAN	BIL. ID PENGGUNA	PERANAN
1.	ixxxxx@838886-T.com.my	1	KSM Menteri
2.	mxxxx.mohd@838886-T.com.my	12	JIM_Enf_Mobile_Admin
			JIM Enforcement Admin
			JIM Admin
3.	kxxxxxxxxxx@838886-T.com.my	7	JIM Supervisor
			JIM Operator
4.	nxxxxx.zxxxx@838886-T.com.my	1	JIM Enforcement State Admin
5.	hxxxxxx.muhamed@838886-T.com.my	1	Ecomplaint JTKSM Branch Admin
6.	mohamed.fxxxxxx@838886-T.com.my	2	JIM Operator
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	-

Sumber: FWCMS dan Analisis JAN

- **Sebanyak 31 ID pengguna yang tidak terlibat dalam FWCMS didapati masih wujud dan berstatus aktif.** Kategori pengguna terdiri daripada Sistem Pengurusan Pekerja Asing,

Syarikat 895689-U dan syarikat telekomunikasi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 18**.


**JADUAL 18**  
**ID PENGGUNA YANG TIDAK TERLIBAT DALAM FWCMS**  
**MASIH WUJUD DAN BERSTATUS AKTIF**

BIL.	KATEGORI PENGGUNA	KETERANGAN	STATUS ID PENGGUNA	BILANGAN ID PENGGUNA
1.	SPPA	Sistem Pengurusan Pekerja Asing	Aktif	5
2.	Syarikat 895689-U	Pengguna Syarikat 895689-U	Aktif	1
3.	TELCO1_ADMIN	Peranan <i>admin</i> oleh syarikat telekomunikasi bagi urusan pemberian kad sim secara percuma	Aktif	3
4.	TELCO2_USER	Pengguna dari syarikat telekomunikasi bagi urusan pemberian kad sim secara percuma. Keperluan terkini adalah tidak terpakai	Aktif	14
5.	SIM_TELCO_ADMIN	Peranan <i>admin</i> dari syarikat telekomunikasi, bagi urusan pemberian kad sim secara percuma. Keperluan terkini adalah tidak terpakai	Aktif	8
<b>JUMLAH</b>				<b>31</b>

Sumber: E-mel Maklum Balas Dari Syarikat 838886-T Pada 21 November 2022, Data Pengguna FWCMS dan Analisis JAN

- Sebanyak **44 majikan** mempunyai **lebih daripada satu ID pengguna** iaitu di antara **dua hingga lapan ID**. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 8**.

**RAJAH 8**  
**BILANGAN MAJIKAN MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA SATU ID PENGGUNA**



Sumber: Data FWCMS dan Analisis JAN

- **Selanjutnya, identiti bagi enam ID pengguna** yang diberi peranan antaranya sebagai eComplaint state admin, eq kdn admin dan eQuota kpdkkk **tidak dapat dikenal pasti**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**IDENTITI ID PENGGUNA TIDAK DAPAT DIKENAL PASTI**

BIL.	ID PENGGUNA	NAMA PENGGUNA	ID PENCIPTA AKAUN PENGGUNA	TARIKH dicipta	STATUS	E-MEL DIDAFTARKAN	PERANAN
1.	prodort2	prodport2	prodort1	05.05.2021	Aktif	Tiada maklumat	eComplaint state admin
2.	prodort4	prodport4	prodort3	05.05.2021	Aktif	Tiada maklumat	JTKSM verifier, inspector, endorser and management
3.	prodort5	prodport5	prodort3	06.05.2021	Aktif	Tiada maklumat	eq kdn admin
4.	prodort6	prodport6	super admin	15.03.2022	Aktif	Tiada maklumat	equota kpdnkk
5.	prodort7	prodport7	nonordin	16.03.2022	Aktif	Tiada maklumat	bio security admin
6.	prodort8	prodport8	halharun	21.03.2022	Aktif	Tiada maklumat	equota miti

Sumber: Data FWCMS dan Analisis Jabatan Audit Negara (JAN)

- Perkara di atas berlaku disebabkan oleh **medan ID Pencipta Akaun Pengguna dan ID Pengenalan Pengguna tidak dijadikan mandatori**. Selain itu, **borang permohonan dan pembatalan ID pengguna tidak diuruskan dengan teratur** sebagai langkah kawalan.

#### **Maklum Balas KSM yang diterima pada 17 Mei 2023**

- Pihak KSM telah mengarahkan pihak Syarikat 838886-T untuk membuat semakan silang terhadap semua permohonan yang telah dibuat termasuklah mengenal pasti ID pelulus yang membuat kelulusan secara tidak teratur. Selain itu, pihak syarikat telah diarahkan untuk memperketatkan tahap keselamatan ID Pegawai Pelulus. Penambahbaikan telah dibuat dengan mewujudkan penggunaan *one-time password* bagi setiap kali mendaftar masuk ke platform FWCMS.
- Kementerian telah mengarahkan pihak Syarikat untuk membuat semakan semula dan mengambil tindakan segera dengan menyahaktifkan ID pengguna yang mempunyai akses melebihi daripada satu.

#### **Maklum Balas KDN yang diterima pada 18 Mei 2023**

- Pemakluman bagi semakan semula ID pengguna yang meragukan serta arahan tindakan penyahaktifan telah dikemukakan kepada pihak syarikat melalui surat bertarikh 14 April 2023.

- b. Pihak syarikat telah mengemukakan senarai ID pengguna yang dicadang untuk dinyahaktifkan dan KDN pada 15 Mei 2023 melalui e-mel telah meminta pihak syarikat untuk menyahaktifkan kesemua ID pengguna yang tidak mempunyai alamat e-mel, didaftarkan menggunakan e-mel peribadi dan berkongsi menggunakan alamat e-mel yang sama. Tindakan menyahaktifkan ID pengguna ini hendaklah selesai pada 19 Mei 2023.

### **Pengurusan ID Dan Kawalan ID**

Kementerian bersetuju bahawa pengurusan ID bagi penggunaan sistem FWCMS melibatkan pengoperasian sistem dan pengguna hendaklah diurus dan dikawal oleh JIM. Satu mesyuarat penyelarasan bersama pihak JIM, KSM, agensi-agensi kawal selia dan pihak syarikat bagi mengenal pasti pentadbir mengikut peranan agensi masing-masing akan diadakan pada 25 Mei 2023.

**Pendapat Audit** | **Kawalan ID pengguna tidak memuaskan kerana tidak diuruskan dengan teratur mengikut peraturan Kerajaan. Keadaan ini meningkatkan risiko penyalahgunaan ID.**

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan pengurusan pekerja asing melalui Sistem ePPAx dan FWCMS adalah kurang memuaskan. Sistem ePPAx dengan kos pembangunan berjumlah RM19.39 juta tidak dapat digunakan secara optimum kerana penggunaan yang terhad kepada proses syor kuota kelayakan melalui pengeluaran Perakuan JTKSM sahaja. Selain itu, proses kelulusan kuota oleh OSC, KDN juga tidak dilaksanakan menggunakan Modul OSC dalam Sistem ePPAx serta keputusan Jemaah Menteri untuk menggunakan FWCMS bagi pengurusan pekerja asing. Terdapat juga kelemahan dalam pengurusan Sistem ePPAx iaitu tetapan sistem diubah dan permohonan kuota dibuat di luar tempoh Program RTK.

Pencapaian pelaksanaan FWCMS pula belum dapat dinilai kerana 12 modul lengkap hanya digunakan untuk satu negara sumber iaitu Bangladesh berbanding 15 negara sumber dibenarkan. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan pelaksanaan sistem iaitu perjanjian belum ditandatangani, hak Kerajaan tidak dapat ditentukan, kaedah dan hala tuju pelaksanaan tidak jelas, fungsi tapisan awal dan kiraan kelayakan kuota dinyahaktifkan serta kawalan ID pengguna tidak teratur.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

- 7.1. KSM dan KDN hendaklah berbincang dan memutuskan pihak yang akan bertanggungjawab penuh terhadap sistem pengurusan pekerja asing tanpa mengabaikan keperluan semua pihak berkepentingan. Sistem yang digunakan hendaklah mempunyai ciri-ciri *interoperability*, *scalability* dan *sustainability* bagi melaksanakan proses pengurusan pekerja asing secara *seamless* dalam memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan terhadap pekerja asing dapat dilaksanakan dengan berkesan;
- 7.2. KSM dan KDN hendaklah melaksanakan proses pengurusan pekerja asing yang cekap, telus dan berintegriti merangkumi semua proses pengurusan pekerja asing yang berlaku di dalam dan di luar sistem. Proses ini perlu mengambil kira keperluan hak, had, bidang kuasa dan fungsi semua agensi Kerajaan berkaitan selaras dengan dasar semasa Kerajaan dan akta masing-masing bagi memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan pekerja asing yang berkesan;
- 7.3. KSM dan KDN perlu memastikan sistem yang digunakan/diuruskan mempunyai kawalan penetapan had kuota sebagai mekanisme kawalan kelulusan pekerja asing mengikut keperluan guna tenaga negara; dan
- 7.4. KSM dan KDN hendaklah memastikan tadbir urus pembangunan/pelaksanaan sistem pengurusan pekerja asing mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa bagi menjamin hak dan kepentingan Kerajaan serta keselamatan negara.

